Politeknik Ungku Omar
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
Politeknik Kota Bharu
Politeknik Kuching Sarawak
Politeknik Port Dickson
Politeknik Kota Kinabalu
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Politeknik Ibrahim Sultan
Politeknik Seberang Prai
Politeknik Melaka
Politeknik Kuala Terengganu
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Politeknik Merlimau
Politeknik Sultan Azlan Shah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

www.politeknik.edu.my

# LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK KOTA BHARU 2018

Politeknik Kota Bharu,
Km 24, Kok Lanas,
16450 Ketereh, Kelantan.
www.pkb.edu.my | Tel: 09-788 9126 Fax: 09-788 8739



## Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| 3 | - | Vsi & Misi |
| 4 | - | Dari Meja Pengarah |
| 6 & 7 | - | Carta Organisasi |
| 10 - 72 | - | Aktiviti PKB |
| 73 | - | Anugerah Cemerlang |
| 74 - 75 | - | Sidang Ridaksi |
| 76 - 85 | - | Arkib |


Ben Ebrahem



# Visi

Peneraju TVET Dipacu Industri Menjelang 2025

# Misi

Memperkasa TVET dalam melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan inovatif bagi memenuhi kehendak industri

# DARI MEJA PENGARAH



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana penerbitan Buku Laporan Tahunan Politeknik Kota Bharu bagi tahun 2018 dapat dilaknakan dengan jayanya. Tahun 2018 telah berlabuh pergi dengan pelbagai sejarah dan kenangan telah dicatatkan oleh Politeknik Kota Bharu (PKB). Sebagai sebuah institusi Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Politeknik Kota Bharu merupakan sebuah institusi yang memain peranan besar sebagai pemain utama bidang pendidikan (TVET). Para graduan yang lahir dari PKB telah dilengkapkan dengan ilmu sejajar dengan keperluan semasa industri baik dari aspek keperluan majikan swasta dan juga awam. Asas-asas yang kukuh ini ditambah baik lagi dengan kemudahan yang berkait rapat dengan daya saing teknologi maklumat di dalam memastikan para graduan PKB adalah relevan di dalam pasaran kerja terkini. Dalam tempoh tahun terdekat ini juga, PKB telah berjaya mencapai peningkatan sebanyak 98% dari aspek Keboleh pasaran Graduan (GE). Saya menyeru kepada semua warga PKB agar sentiasa komited dan saling bekerjasama bagi memastikan PKB terus cemerlang sebagai institusi pengajian TVET yang mampu memacu tahap pencapaian akademik dan sahsiah para graduannya sehingga ke peringkat yang cemerlang.

Together We Make PKB No: 1

KAMALUDIN BIN DAUD
Pengarah
Politeknik Kota Bharu, Kelantan



Graduan Politeknik penuhi kehendak Industri 4.0
sama strategik dengan indust
alam kampus
bina kerjaya
TOGETHER
WE MAKE PKB
NO: 1
PKB lakar
Politeknik Kota Bharu jadi tuan rumah M
usahawan

# Pengurusan Tertinggi



TIMBALAN PENGARAH
(AKADEMIK)

TUAN HAJI AZAHAN BIN HAJI DAUD



PENGARAH

**TUAN KAMALUDIN BIN DAUD**



TIMBALAN PENGARAH
(SOKONGAN AKADEMIK)

MOHD HISHAM BIN MAKHTAR

# Ketua-ketua Jabatan



AZMI BIN JUADI @ ROSBI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



ZAINUDDIN BIN OMAR

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



SURIA BINTI MOKHTAR

JABATAN PENGAJIAN AM



MOHD ZAIDI BIN CHE MOD

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



ROSILAH BINTI WOK

JABATAN PERDAGANGAN



ZAID BIN NOOR

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL



MAZEREE BIN MOHD NAWI

JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

# Ketua-ketua Unit



CHE SEMAN BIN CHE COB

Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia



MOHD RUDIN BIN FAUZI

Unit Peperiksaan



MOHD FATIAZEE BIN AB AZIZ

Unit Perhubungam Awam



MOHD ZULKIFLI BIN MOHD HANIPIAH

Unit Pembangunan & Senggaraan



KAMARUDIN BIN LATIH

Unit Pengurusan Psikologi



MOHD AMIN BIN ABDUL MAJID

Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan



HAMDAN NAZERI BIN ZAINAL ABIDIN

Unit Perhubungan & latihan industri



WAN MUHAMMAD MARZUDI BIN WAN MUHAMMAD

Unit Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan



ANIZA ERYANI BINTI MOHAMAD RAZI

Unit Perpustakaan



SUZIANNA BINTI TAIB

Unit Sistem Teknologi Maklumat



JASLINA BINTI JAAFAR

Unit Pentadbiran, Perkhidmatan & Kewangan



NORFARAH BINTI GHAZALI

Unit Asrama



NIK AZILA AHZI MUSTAPHA

Unit Kualiti & Dokumentasi

## SEJARAH RINGKAS POLITEKNIK KOTA BHARU

Politeknik Kota Bharu mula beroperasi pada tahun 1985 di kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, Bunut Susu, Kelantan. Pada tahun 1988, Politeknik Kota Bharu telah berpindah ke kampus baru di Kok Lanas, Ketereh dan kekal sehingga ke hari ini. Pada awal penubuhan Politeknik Kota Bharu, hanya 400 orang pelajar telah berdaftar untuk mengikuti pengajian di Politeknik Kota Bharu dengan jumlah tenaga pengajar hanya 44 orang. Kini, Politeknik Kota Bharu telah mengorak langkah selari dengan pendidikan negara sehingga mampu menampung hampir 5000 pelajar dengan 417 orang tenaga pengajar dan 124 orang kakitangan kumpulan pelaksana. Politeknik Kota Bharu akan terus beriltizam untuk meletakkan institusi ini sebagai penggerak bidang pendidikan "Technical and vocational education and training" (TVET). Ini merupakan satu azam dan komitmen yang akan memacu tahap pencapian akademik dan sahsiah para pelajar dan graduan PKB agar mampu memenuhi keperluan tenaga kerja semasa sama ada dalam sektor korporat dan awam.










DEWAN KULIAH
12/1/88



# AKTIVITI


Congratulations
Konvokesyen



















GET MORE AT PLANETECLIPSE.COM
ACTIVO


# JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) merupakan salah satu daripada empat jabatan induk di PKB. Jabatan ini menawarkan program Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) dan Diploma Ukur Bahan (DUB). Demi mencapai visi dan misi JKA sebagai pemangkin dan peneraju kecemerlangan dalam tenaga kerja semi professional dalam bidang kejuruteraan awam, JKA mempunyai seramai 78 orang staf akademik dan sokongan yang professional, berkelayakan, berdedikasi dan berpengalaman luas. Seramai 75 orang staf akademik dan tiga orang staf sokongan terlibat sepenuhnya dalam pembelajaran dan pengajaran serta pentadbiran.

Ketua Jabatan : Tuan Haji Ir Mohd Zaidi Che Mod
Ketua Program DKA : Cik Norhayati Arifin
Ketua Program DUB : Puan Siti Alizah Asmuni







## INDUSTRIAL TALK CIVIL ENGINEERING DEPARTMENT 2018 (ITCeD'18)

Pada 27 hingga 28 Februari 2018, satu program yang julung kali telah dilaksanakan oleh JKA untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar dan juga terutamnya berkaitan dengan cabaran masa hadapan bidang kejuruteraan awam dan ukur bahan. Terdapat 20 industri, 987 orang pelajar dan 80 orang pensyarah yang terlibat dalam program ini. Antara agensi yang terlibat adalah Institut Jurutera Malaysia, Lembaga Jurukur Bahan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Majlis Perbandaran Ketereh, Syarikat Perumahan Negara, Akademi Binaan Negara, Mega Lab, syarikat-syarikat perunding sivil dan struktur, perunding ukur bahan serta pihak kontraktor. Selain itu, program ini bertujuan memberi pendedahan tentang cabaran dan keperluan terkini dalam pasaran Revolusi Industri 4.0, PKB menjadi hub bagi pihak industri untuk berkongsi maklumat dan teknologi terkini serta meningkatkan jalinan kerjasama JKA-PKB dengan industri. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Kota Bharu, Tn Hj Noor Azhan Othman.





## LAWATAN AKADEMIK PELAJAR PROGRAM DKA KE INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD DAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI TERIP

Satu lawatan telah diadakan pada 27 hingga 28 February 2018 melibatkan 34 orang pelajar DKA. Lawatan ini bertujuan memberi pengalaman baru dan pengetahuan berkaitan kursus DCC5152 (Water Supply and Water Engineering), memberi inspirasi kepada pelajar membuat projek akhir dan memberi manfaat kepada industri, membuka minda pelajar mendapat idea baru dan kreatif serta dapat menyiapkan tugasan yang diberikan. Selain itu, pelajar juga boleh didedahkan dengan teknologi baru terutama dalam bidang kejuruteraan awan dan dapat meningkatkan lagi daya maju pelajar.

NATIONAL INVENTION & INNOVATION, CONFERENCE, EXHIBITION AND ROBOT-SUMO COMPETITION 2018 (NiCERS'18)

JKA telah menghantar satu kumpulan menyertai NiCER'18 pada 9 hingga 11 Julai 2018 bertempat di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah. Tajuk projek adalah Komputer Sebagai Media Pengajaran dan Pembelajaran Penerapan Bata di Politeknik Kota Bharu. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat institusi pendidikan kearah penciptaan inovasi dan inovatif, dapat meningkatkan kerjasama antara politeknik dan masyarakat luar dan dapat merangsang serta menjadi pemangkin bagi para pelajar dan pensyarah untuk terus kompetitif, kreatif dan inovatif.






YOUNG SOCIALPRENEUR 2.0 PROGRAMME 2018 (YS2P's)

Pelajar kursus DPB2012 DUB, JKA telah menyertai program ini yang telah dikelolakan oleh Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) pada Julai hingga Oktober 2018. Program ini memberi tumpuan kepada bagaimana pelajar membangunkan program keusahawanan untuk menjana keuntungan maksima. Program ini di ilhamkan oleh Datuk Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistics Sdn. Bhd., Sebagai Program Diploma Pengurusan Logistik Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti dan Rangkaian Bekalan POLISAS. Ia bertujuan memastikan program keusahawanan ini dapat memaksimumkan keuntungan yang akan mengoptimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan.









LAWATAN AKADEMIK KE PERBADANAN PUTRAJAYA

Seramai 37 oarang pelajar DUB semester 3 telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Putrajaya pada 16 hingga 19 Ogos 2018. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar sebagai nilai tambah untuk pengetahuan sedia ada supaya selari dengan teknologi yang diaplikasikan oleh industri. Objektif program ini adalah untuk mengenalpasti amalan-amalan professional dalam pengurusan satu-satu projek, mendedahkan mentality pelajar menghadapi alam pekerjaan dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus DCQ3074 Building Works Measurement 3.





PERTUKARAN PELAJAR ANTARA POLITEKNIK MALAYSIA

Pada 1 hingga 6 September 2018, seramai 10 orang pelajar DKA telah dihantar ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) untuk pertukaran pelajar antara politeknik Malaysia. Program ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar suasana pembelajaran di institusi lain, memberi peluang kepada pelajar bertukar pendapat dengan pelajar institusi lain dan memberi pengalaman berjumpa serta merasai pengalaman di institusi lain selaras untk mencapai keperluan akreditasi ETAC. Dalam program ini pelajar perlu menghadiri sesi pengajian dan aktiviti lain termasuk ko-kurikulum di politeknik berkenaan sama seperti pelajar-pekjar lain di politeknik tersebut. Selain itu, mereka juga perlu mengikuti penilaian da tugasan yang diberikan oleh tenaga pengajar.

PROGRAM ANUGERAH POLYSKILLS BIDANG BRICKLAYING POLITEKNIK KOTA BHARU TAHUN 2018

Pelajar JKA mewakili PKB telah menyertai program ini dalam bidang Bricklaying dan telah mendapat pingat Emas. Program ini telah dijalankan di Politeknik Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada 17 hingga 20 September 2019. Objektif program adalah menguji tahap kemahiran pelajar bidang yang dipertandingkan, memilih peserta PKB ke Peringkat Kebangsaan 2019 (WSMB 19) dan memberi pendedahan kemahiran pertandingan kepada peserta entang format sebenar pertandingan Polyskills JPP, ASEAN Skill Competition dan World Skills Competition. Program ini telah memberi impak kepada pelajar dimana mereka dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran pelajar di samping dapat melahirkan graduan yang berketrampilan dan menyeluruh dari segenap aspek dan amali yang dipelajari dimana ini dapat menyumbang tahap employability pelajar dan PKB dapat memilih peserta yang lebih baik dalam pertandingan kemahiran Worldskills Belia 2019 yang mana secara tidak langsung memberi kredit kepada PKB sendiri dalam penilaian Polyrate








BENGKEL KAEDAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN BERASASKAN OBE UNTUK PELAJAR SEMESTER SATU JABATAN KEJURUTERAAN AWAM SESI JUN 2018

Pelajar semester satu JKA sesi Jun 2018 telah mengikuti Bengkel Kaedah Pengajaran & Pembelajaran berasaskan OBE pada 4 September 2018 bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB. Bengkel ini dijalankan bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar, dan untuk meningkatkan kualiti proses penngajaran & pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Selain itu, bengkel ini bertujuan untuk mengubah minda pelajar dari kaedah pengajaran konvensional (guru berpusat) kepada pelajar yang berpusat serta meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.








CSR SURAU AL IKHLAS

JKA telah mengadakan satu program Corporate Social Responsibility (CSR) pada 3 Oktober 2019 bertempat di Surau Al Ikhlas, Mukim Peringat. Seramai 20 orang pelajar JKA secara sukarela bersama pensyarah telah memberi khidmat bakti melalui gotong royong membaiki paip di tempat mengambil wuduk, memasang paip baru di sink dapur surau dan memplaster tempat mengambil wuduk. Objektif program ini adalah supaya pelajar dapat mengetahui kemahiran teknikal yang sebenar dalam bidang perpaipan dan kerja-kerja konkrit.



INOTEX'18

Pada 3 Oktober 2018, pelajar semester lima DKA telah menyertai program ini iaitu dalam penghasilan idea inovasi dan pameran produk pelajar. Objektif program ini dalah untuk memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar mempamerkan hasil inovasi dan melahir pelajar yang kreatif dan celik ilmu. Dengan adanya program ini dapat membudayakan penyelidikan dan inovasi, menghasilkan penulisan ilmiah dan produk inovasi, menyediakan platform untuk penjanaan dan perkongsian ilimu dan melahirkan warga pendidik yang kreatif, berkeyakinan dan berketrampilan tinggi. 10 prejek terbaik akan dipilih dalam program ini.



ROAD TO QS PROFESION (RISM)

Seramai 83 orang pelajar semester satu DUB telah menyertai program ini pada 15 Oktober 2018 bertempat di PKB. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan prospek kerjaya jurukur bahan, untuk memberi pengetahuan tentang badan-badan professional yang berkaitan dengan jurukur bahan dan syarat kelayakan yang diperlukan dan untuk memaklumkan kelebihan kepada ahli-ahli yang mendaftar dengan badan-badan professional

## PROGRAM WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB 18) DAN KELAYAKAN KEBANGSAAN KE KAZAN, RUSSIA BIDANG BRICKLAYING

Pertandingan World Skills Malaysia Kategori Belia (WSMB) bidang Bricklaying, Anjuran Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Development Board Malaysia ,CIDB Malaysia) dan Akademi Binaan Malaysia merupakan satu pertandingan kemahiran yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran terbaik. Pertandingan ini telah diadakan pada 26 September hingga 1 Oktober 2018. Daripada 48 Peserta yang menyertai WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB) Pra-kelayakan Bricklaying, hanya 10 orang peserta telah melayakkan diri ke peringkat akhir. Pertandingan peringkat pra-kelayakan telah diadakan di pelbagai lokasi di zon Semenanjung dan Borneo. Di Zon Semenanjung, pertandingan ini telah diadakan di Bengkel Bata Akademik Binaan Malaysia, Sintok Kedah. Dalam peringkat akhir, pelajar JKA, PKB iaitu Shahriman Azwa bin Hasdi telah mendapat pingat Gangsa.







## CSR MASJID NURUL AZIZ, KG PALOH RAMBAI, KETEREH

Satu program CSR telah dijalankan di Masjid Nurul Aziz, Ketereh pada 19 hingga 20 November 2018. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara JKA, PKB dan masyarakat setempat. Selain itu, program ini dapat Memupuk daya saing setiap pelajar berdasarkan ketekunan dan pengertian semangat dan semangat berpasukan, Memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan menubuhkan hubungan baik antara politeknik dan masyarakat setempat dan Untuk memupuk nilai-nilai mulia di kalangan pelajar dalam kesedaran kebersihan.









WORKSHOP ON INSTALLATION OF WALLPAPER, WINDOW BLIND AND CARPET TILE

Pada 19 hingga 20 Disember 2018 satu kursus pemasangan kertas dinding, bidai dan carpet tile adalah sebahagian daripada elemen reka bentuk hiasan dalaman. Objektif kursus adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang hiasan dan reka bentuk dalaman. Hiasan dan reka bentuk dalaman boleh menjadi sebahagian daripada keusahawanan dalam menyediakan perkhidmatan dalaman dalam bidang berkaitan. Ini kerana, matlamat pendidikan keusahawanan adalah untuk membangunkan pelajar yang berpotensi untuk mengenalpasti peluang dan merebut peluang yang muncul di alam sekitar, menterjemahkan idea kepada realiti atau aktiviti ekonomi.

# JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) merupakan salah satu jabatan induk di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang menjalankan program kejuruteraan kepada pelajar. JKE menawarkan program Diploma Kejuruteraan Elektronik - Komunikasi (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE). JKE PKB sentiasa mencipta pelbagai kecemerlangan di bawah barisan kepimpinan yang di terajui oleh Ketua Jabatan yang berdedikasi tinggi disamping Ketua Program yang komited serta barisan staf yang cemerlang. Transformasi ilmu digalas dengan penuh berhemah oleh 93 orang staf akademik dan sokongan demi memastikan misi dan visi JKE tercapai seiring dengan pembangunan kecemerlangan bidang kejuruteraan elektrik. JKE terus mara ke hadapan dengan dibarisi 89 staf akademik mengikut bidang kepakaran serta empat orang staf sokongan yang berpengalaman luas. JKE berazam akan terus mencipta pelbagai kecemerlangan melalui pemerkasaan Technical and Vocational Education and Training (TVET) dalam melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan inovatif bagi memenuhi kehendak industri.

Ketua Jabatan : Tuan Haji Zainuddin Omar
Ketua Program DEP : Encik Mohd Kaswadi Abdul Ghani
Ketua Program DEE : Encik Ab. Razak Ahmed @ Mat Saman
Ketua Program DET : Tuan Haji Azani Mat Ali





## PRA -WORLD SKILL MALAYSIA BELIA (PRA-WSMB) 2018

PKB telah menyertai Pertandingan Pra World Skill Malaysia Belia (Pra-WSMB) yang diwakili oleh seorang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik iaitu Muhammad Amirul Amri Mohd Zulkarnain yang berlangsung pada 16 hingga 19 April 2018 di CIAST, Shah Alam. Tugasan pertandingan ini sentiasa berubah-rubah mengikut soalan yang digubal oleh kumpulan pakar bidang kemahiran elektronik yang selari dengan perkembangan pertandingan di peringkat World Skills Competition (WSC) pada setiap tahun. Pelajar tersebut mara ke peringkat seterusnya tetapi tidak berjaya meneruskan pertandingan ke peringkat akhir.





## POLYSKILL 2018

Politeknik Kota Bharu (PKB) telah diwakili oleh empat orang pelajar ke Polyskill 2018 pada 17 hingga 20 September 2019. Dua orang pelajar iaitu Muhamad Zulhakeem Mat Zainal dan Muhammad Danial Roshisham di bawah bimbingan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik iaitu Encik Ahmad Sidik @ Mat Sidek Dan Mohd Zahidi Mohd Zain menyertai pertandingan kategori bidang elektronik ke Politeknik Sultan Idris Shah dan telah berjaya untuk ke peringkat Pra-WSMB pada tahun 2019. Dua orang pelajar yang lain iaitu Adison A/L Than Ya Luck dan Mohamad Luqman Hakim Bin Mohd Zawawi pula telah menyertai pertandingan kategori Pemasangan Elektrik di bawah kelolaan Encik Noor Hisham Koya dan Puan Suryani Mat Daud ke Politeknik Shah Alam namun tidak Berjaya ke peringkat seterusnya. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

KEJOHANAN 11TH FIRA MALAYSIA CUP 2018



Pasukan Robot Soccer PKB yang terdiri daripada wakil pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menyertai Kejohanan 11th FIRA Malaysia Cup 2018 di Politeknik Mersing Johor yang berlangsung pada 29 April hingga 3 Mei 2018. Sebanyak empat kategori iaitu Robosot, Fira Air drone, Simurosot dan Mybot telah dipertandingkan. Pertandingan ini melibatkan penggunaan 'Hardware' dan 'Software'. Bakat terpendam peserta telah digilap terutamanya dalam bidang pengaturcaraan, mekatronik serta elektronik. Pasukan gabungan pensyarah JKM iaitu Encik Mohd. Zulkafli Mohamed dan JKE iaitu Puan Muzimah Aida Md.Mustafa beserta tiga orang pelajar JKM telah berjaya memenangi tempat kedua bagi dua kategori dan satu kategori mendapat tempat ketiga dalam Fira Build To Fly (BTF) Air Drone.



PERTANDINGAN AUTO SUMO ROBOT 2018



Pertandingan Auto Sumo Robot 2018 telah dianjurkan oleh Kelab Robot Darul Ehsan sempena Karnival Skill Change Lives Kuala Langat. Dalam pertandingan yang berlangsung pada 1 hingga 2 Disember 2018 di Dataran Pantai Morib Selangor, lapan orang pelajar dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Politeknik Kota Bharu (PKB) telah mewakili empat kumpulan pertandingan. Sebanyak empat buah robot seberat tiga kilogram yang telah direka dan diprogram oleh wakil peserta PKB telah dipertandingkan. Wakil PKB daripada Kumpulan B telah berjaya mendapat tempat ketiga peringkat kumpulan








## KONVENSYEN KIK 2018 HORIZON BAHARU PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Pasukan KIK PKB yang dikemudikan oleh Encik Wan Zuhari Wan Ismail dengan gabungan pensyarah JKE dan  jabatan-jabatan lain di PKB telah menghasilkan satu projek inovasi yang dinamakan "Water For Life" bagi mencapai misi program  CSR Antarabangsa Politeknik Malaysia dalam membantu keupayaan kesihatan wilayah Kandal, Cambodia.  Projek ini telah menerima pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan telah dipertandingkan di Konvensyen KIK pada 7 hingga 10 Ogos 2018 yang berlangsung di Dewan Kenanga TER, Kuala Terengganu.  Pada kali ini, Politeknik Kuala Terengganu telah dilantik sebagai tuan rumah pertandingan dan telah dirasmikan oleh Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub.  Projek inovasi ini telah menggondol pingat Emas dalam pertandingan tersebut.





## KUNJUNGAN LAWATAN DAN PENANDAARASAN JKE PKB DI BANGKOK UNIVERSITY

Tanggal 2 November 2018, delegasi pengurusan dan pensyarah JKE telah mengadakan kunjungan lawatan ke Kampus Rangsit, School of Engineering, Bangkok University.  Delegasi PKB telah diberi taklimat dan sesi dialog antara kedua-dua institusi. Pihak JKE PKB berkesempatan dibawa melawat di sekitar kampus dan makmal-makmal. Program ini telah memberi impak yang tinggi kepada jabatan kerana dapat menghasilkan satu perkongsian pengetahuan dan teknologi, teknik pengajaran dan pembelajaran serta persekitaran belajar antara kedua-dua institusi.  Pengalaman yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut telah dapat diadaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran di jabatan.

LAWATAN AKADEMIK DAN PROGRAM KOLABORASI JKE PKB DENGAN MCMC BUTTERWORTH DAN SHEIKH TAHIR ASTRONOMICAL CENTER, BALIK PULAU, PULAU PINANG





Program ini merupakan satu program yang julung kali diadakan antara JKE PKB menerusi kedua-dua agensi dengan penglibatan seramai 30 orang pelajar JKE yang terdiri daripada semester tiga, empat dan lima. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 28 Januari 2018. Program ini telah dikendalikan oleh pensyarah JKE iaitu Puan Muzimah Aida Md.Mustafa dan dibantu oleh Puan Norazilah Ab. Aziz. Hasil pelaksanaan program ini, dua Letter of Intend (LOI) telah berjaya dipersetujui dan ditandatangani oleh pihak JKE PKB dengan kedua-dua agensi. Kejayaan persetujuan kedua-dua LOI tersebut memberi impak yang besar kepada pihak JKE khususnya dari segi pelaksanaan program dan aktiviti kerjasama serta perkongsian kepakaran antara kedua-dua pihak berkaitan teknologi telekomunikasi.

“ELECTRICAL INDUSTRIAL TALK VOL.01 2K18 (EITvo1’18)”- “INDUSTRIAL INDUSTRY 4.0 TOWARDS VISION 2020”





Seminar industri ini mendokong tema “Industrial Industry 4.0 Towards Vision 2020” Seminar yang berlangsung pada 29 Julai 2018 ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Noor Azahan Othman, Pengarah PKB. Program ini juga disusuli dengan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program JKE. Seramai tujuh orang penceramah dan Jawatankuasa Penasihat Program daripada pelbagai bidang kepakaran elektrik seperti Telekom Malaysia Berhad, Celestica Malaysia Sdn.Bhd, Ventech Consult (M & E Consultant), Jabatan Kerja Raya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam seminar dan mesyuarat ini.





"ELECTRICAL INDUSTRIAL TALK VOL.02 2K18 (EITvo2'18)" -"IOT IMPLEMENTATION AND INNOVATION TOWARDS INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0"

Seminar ini telah berlangsung pada 28 Ogos 2018 di Politeknik Kota Bharu dengan penyertaan seramai 510 orang pelajar JKE. Antara pihak industri dan agensi yang turut sama menyumbang kepakaran adalah daripada pihak Telekom Malaysia Berhad, Pejabat Meteorologi Kelantan, Techno Engineering Development Sdn. Bhd, The Malaysian Society for Occupational Safety and Health East Coast Region Branch (MSOSH EC) dan Jabatan Kerja Raya. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta seiring dengan pembangunan rekabentuk dan inovasi produk berasaskan Internet of Things (IOT). Perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Noor Azahan Othman, Pengarah PKB.






LAWATAN AKADEMIK DAN PROGRAM KOLABORASI ANTARA JKE POLITEKNIK KOTA BHARU DENGAN TM SATELLITE GROUND EARTH STATION CYBERJAYA DAN MEASAT SATELLITE SYSTEMS SDN. BHD CYBERJAYA

Pada 5 hingga 8 September 2018, pihak JKE PKB bersama 35 orang pelajar daripada pelbagai kursus Diploma Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan kunjungan lawatan akademik dan kolaborasi ke kedua-dua agensi. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Muzimah Aida Md.Mustafa bersama tiga orang pensyarah JKE yang lain. Program ini adalah susulan Letter of Intend (LOI) yang telah berjaya dipersetujui dan ditandatangani oleh pihak Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKB dengan TM Satellite Ground Earth Station Cyberjaya. Antara tujuan penganjuran program ini adalah untuk mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program. Ini selaras dengan strategik jabatan dalam memastikan peratus program interaksi bersama industri mencapai 50 jam.

# JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal menawarkan tiga program diploma untuk memenuhi keperluan industri negara. Program yang ditawarkan ialah Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian) dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik. Program-program tersebut memenuhi empat kategori kursus atau subjek. Ini bermakna pelajar perlu melengkapkan semua kursus yang disenaraikan untuk program mereka untuk lulus. Empat kategori kursus adalah kursus teras, elektif, wajib dan umum. Setelah menjalani kehidupan di PKB, para pelajar didedahkan kepada pelbagai jenis aktiviti sama ada aktiviti itu berasaskan akademik atau bukan akademik. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah Inovasi, Malam Pra-Graduan, Latihan Industrian, Anugerah / Senarai Ketua Jabatan, Kolaborasi dan Perkhidmatan Masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan menyusun para pelajar untuk mengembangkan diri menjadi orang yang lebih kompetitif dan cerdas yang akan membawa kepada penghasilan graduan yang mempunyai kepribadian tinggi.

| | |
|---|---|
| Ketua Jabatan | : Tuan Haji Zaid bin Noor |
| Ketua Program DKM | : Fahly Khairy Bin Mohd Zain |
| Ketua Program DAD | : Muhamad Shah Rul Bin Kamarudin |
| Ketua Program DEM | : Mohd Raduan Bin Ibrahim |
| Ketua Program DPT | : Julia Binti Jamaluddin |



PERTANDINGAN INOVASI JABATAN PERTANIAN KELANTAN SEMPENA PAMERAN BIO KELANTAN 2018

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menyertai pertandingan inovasi jabatan pertanian kelantan sempena pameran bio kelantan yang berlangsung selama 2 hari bermula 10 hingga 11mac 2018 di Pejabat Pertanian Kelantan, Lundang Kota Bharu. Politeknik kota bharu telah menghantar satu kumpulan inovasi dari JKM yang diketuai oleh penyelia projek En. Wan hamadi Zahari dan diwakili oleh pelajar seliaannya Muhammad Termizi Zain. Program ini bertemakan kelestarian dan teknologi hijau. Projek inovasi yang dipertandingkan oleh pelajar ini dinamakan bio polibag yang menggunakan bahan asli semulajadi seperti tinja ayam kampung, effective microbe (EM),sabut kelapa dan tanah liat untuk menjadikan polibag organik bagi menggantikan polibag plastik. Kumpulan inovasi ini mendapat tempat keempat dalam pertandingan ini.



PROGRAM CSR DI LAMAN RUMAH PENGARAH PKB

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan Program CSR menceriakan laman kediaman rasmi pengarah dan timbalan pengarah Politeknik Kota Bahru. Program ini didakan pada 12 November 2018 dan disertai oleh beberapa orang pensyarah di jabatan kejuruteraan mekanikal pertanian yang diketuai oleh ketua jabatan kejuruteraan mekanikal, Tuan Haji Zaid Noor. Program CSR ini menjadi unik apabila menggunakan sepenuhnya kepakaran dan peralatan serta jentera politeknik seperti traktor pengangkut, JCB, mesin pemotong. Semua kerja kerja pembersihan ini dilakukan sendiri oleh pensyarah pensyarah  di jabatan kejuruteraan mekanikal.

PERTANDINGAN PROJEK SEMESTER AKHIR JKM



Pertandingan projek semester akhir JKM telah diadakan pada 4 November 2018 di Dataran Gemilang. Pertandignan projek semester akhir merupakan aktiviti rutin jabatan kejuruteraan mekanikal bagi setiap semester. Pameran projek ini disertai oleh 30 kumpulan yang terdiri daripada pelajar semester akhir. pertandingan projek ini bertujuan untuk mengasah bakat dan mengaplikasikan ilmu kejuruteraan yang telah dipelajari selama 3 tahun belajar di Politeknik Kota Bharu. Pertandingan ini diadili dan dinilai oleh panel daripada Universiti Malaysia Kelantan, Ts. Dr Nik Hishamudin Nik Hasan. Projek kipas 360 degree yang dianggotai oleh Ahmad kamil Sufaat, Johari Arifin dan Azmi Suhaimi telah terpilih sebagai projek terbaik. Hadiah pertandingan disampaikan oleh penyelaras penyelidikan dan Inovasi jabatan kejuruteraan mekanikal, En Wan Hamadi zahari. Hadiah ini telah ditaja oleh Everise Crimson.

KURSUS PENGENDALIAN JENTERA PERTANIAN



Kursus pengendalian jentera pertanian ini diadakan sempena pertandingan inovasi jabatan kejuruteraan mekanikal pertanian. Kursus ini juga dibuka kepada pihak luar yang berminat dalam pengendalian jentera pertanian. Diantara pengisian kursus adalah pengenalan rotor, pengendalian traktor dan JCB serta mesin membajak. Program ini diadakan pada 2 Mac 2018 dan disertai oleh 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar semester 5 Politeknik Kota Bharu, pelajar Kolej Vokasional Tanah Merah dan Institut Perindustrian Kota Bharu. Tenaga pengajar adalah dikalangan pensyarah unit kejuruteraan mekanikal pertanian dan dipantau oleh jabatan pertanian serta NAFAS.



HARI KELUARGA JKM 2018

Program ini diadakan di D' Geting resort, pantai seri Tujuh, Tumpat. Program ini diadakan pada 5 Jun 2018 selama 2 hari dan dihadiri oleh 400 orang pensyarah jabatan kejuruteraan mekanikal beserta keluarga. Terdapat pelbagai aktiviti telah diadakan seperti sukan, permainan tradisional dan pertandingan mewarna bagi anak-anak kakitangan. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan akademik, En hisyam Makhtar. Program hari keluarga ini mendapat tajaan berupa barangan serta hadiah cabutan bertuah daripada BV Kosmetik.

# JABATAN PERDAGANGAN

Jabatan Perdagangan (JP) merupakan salah satu daripada empat jabatan induk di PKB. Jabatan ini menawarkan program Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), Diploma Pemasaran (DPR) dan Diploma Insurans (DIN). Demi mencapai visi dan misi JP sebagai pemangkin dan peneraju kecemerlangan dalam menghasilkan tenaga kerja semi profesional dalam bidang perdagangan. JP mempunyai seramai 69 orang staf akademik yang berkelayakan profesional dalam pelbagai bidang samada akauntansi, pengurusan perniagaan, insurans, pemasaran, pengurusan sumber manusia dan perundangan yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jabatan juga dibantu oleh seorang staf sokongan bagi memantapkan lagi pengurusan jabatan.

| | | |
|---|---|---|
| Ketua Jabatan | : | Puan Hajah Rosilah Binti Wok |
| Ketua Program DAT | : | Encik Zulfaizad Bin Abd Hamid |
| Ketua Program DPM | : | Puan Nurhawani Binti Yaacob |
| Ketua Program DPR | : | Cik Roslina Binti Ab Rahman |
| Ketua Program DIN | : | Puan Razia Malini Binti Mohamad |



LISTED IN THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS -MOST NUMBER OF PARTICIPANTS IN A YOUNG ENTREPRENEURSHIP COMPETITION

Sekumpulan pelajar JP seramai 885 peserta telah mewakili PKB dalam pertandingan Most Number of Participants in A Young Entrepreneurship Competition dan amat membanggakan kerana telah berjaya tersenarai dalam Malaysia Book Of Records. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tan Sri Datuk Danny Ooi pengasas Malaysia Book of Records bertempat di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang.





FINALIST CATEGORY B: OUTSTANDING STUDENT ENTERPRISE AWARD MINISTRY OF HIGHER EDUCATION ENTREPRENEURIAL AWARDS 2018 (MEA 2018)

Siti Shazwani Ramli merupakan pelajar DPM telah tersenarai sebagai Finalist Category B: Outstanding Student Enterprise Award Ministry of Higher Education Entrepreneurial Awards 2018 (MEA 2018). Anugerah ini telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia YB Dr Maszlee Malik pada 30 November 2018 di Royale Chulan Hotel. Saudari Siti Shazwani mempunyai perniagaan produk pakaian wanita yang dijual di premis perniagaan Waniey Empire Resources dan perniagaan atas talian melalui FB dan Instagram Shirt on Factory. Jumlah jualan tahunan beliau melebihi RM238,680.

## NATIONAL ACCOUNTING DIPLOMA QUIZ COMPETITION (NADIQC) 2018

Seramai enam orang pelajar DAT5 diiringi oleh dua orang pensyarah JP telah mara sehingga peringkat separuh akhir, iaitu antara 20 pasukan terpilih daripada 110 pasukan seluruh institusi pendidikan tinggi yang bertanding. Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Malaysian Institute of Accountants (MIA). Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh para peserta adalah sebagai nilai tambah kepada peserta.






## ANUGERAH PENGARAH POLITEKNIK KOTA BHARU SEMPENA KONVOKESYEN KE 31 2018

Sempena Majlis Konvokesyen PKB ke 31 2018 graduan saudari Nor Aishah Mohd Bakri dari program pengajian DAT telah berjaya meraih anugerah Pengarah PKB. Beliau menunjukkan kejayaan cemerlang dalam akademik iaitu telah empat kali mendapat anugerah ketua jabatan dan berjaya menamatkan pengajian dengan HPNM 3.66. Beliau juga sangat aktif dalam ko-kurikulum seperti persatuan, kelab dan aktiviti kemasyarakatan.




## KOLABORASI DAT DENGAN AUTO COUNT SDN BHD

Pada 5 Jun 2018, termeterai pembaharuan kolaborasi antara DAT JP PKB dengan Auto Count Sdn Bhd. Kerjasama yang wujud adalah untuk kebaikan pensyarah dan para pelajar dalam bidang sistem perakaunan berkomputer serta memberi peluang pekerjaan dan khidmat nasihat, latihan kepada para pelajar.







ANUGERAH UTAMA UMMUL ALBAB (AUUA) DAN BINTANG AL-FATEH DAN ANUGERAH UTAMA INOVASI TERBILANG (AUIT) DAN BINTANG AL-FATEH DARI PERSATUAN PAKAR PENGAJAR DAN PAKAR INDUSTRI NEGARA MALAYSIA (MANDATE)

Saudari Nor Aishah Mohd Bakeri sekali lagi menerima Anugerah Utama Ummul Albab (AUUA) dan Bintang Al-Fateh, manakala penasihat akademik beliau Pn Muzirawati Md Mustafa pula dianugerahkan Anugerah Utama Inovasi Terbilang (AUIT) dan Bintang Al-Fateh dari Persatuan Pakar Pengajar dan Pakar Industri Negara Malaysia (Mandate) sempena Majlis Konvokesyen PKB ke 31 tahun 2018.






TRAINING OF TRAINERS WORKSHOP - AUTOCOUNT COMPUTERISED ACCOUNTING AND AATC APPOINTMENT - POLITEKNIK MALAYSIA

Pada 25 hingga 28 Jun 2018 telah berlangsung Autocount Computerised Accounting Trainer Workshop yang melibatkan pensyarah DAT Politeknik Malaysia. Bengkel ini telah berlangsung di PTSS, Perlis. PKB telah diwakili oleh 3 orang pensyarah DAT JP. Para peserta telah menjalani peperiksaan dan telah dianugerahkan sijil master trainer oleh Syarikat Autocount Sdn Bhd. penganugerahan sijil ini melayakkan pesyarah terlibat untuk mengajar dan memberi kursus AutoCount Computerised Accounting System.

TALK ON RISK EVALUATION & MONITORING AND RISK MANAGEMENT BASEL III STANDARDS (DIN)

Seminar mengenai “Risk Evaluation & Monitoring and Risk Management Basel III Standards” telah berlangsung pada 17 Disember 2018 yang melibatkan semua pelajar DIN di Dewan Al-Ghazali PKB. Program ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan MQA DIN di PKB dan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang pengurusan risiko. Dua orang penceramah luar telah dijemput untuk memberikan ceramah iaitu Professor Dr Hajah Zuriah Binti Abd Rahman dan Dr Mohd Zaki Awang Chek.





AUTOCOUNT COMPUTERIZED ACCOUNTING WORKSHOP (DAT)

Program diadakan bagi menyediakan ruang pendedahan, kefahaman dan mengukur pencapaian para pelajar DAT JP tentang penggunaan software computerized accounting, yang menggunakan konsep Microsoft SQL Software. Program kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran perakaunan berkomputer yang pelbagai sebagai nilai tambah kecekapan dan keberkesanan perekodan perakaunan sesebuah organisasi. Program ini telah diadakan pada 28 dan 29 September 2018, bertempat di makmal GCL 6 & 7, PKB dengan kerjasama daripada pihak Auto Count Sdn Bhd.





BUDGET 2019 : BUSINESS & PERSONAL TAX PLANNING

Pada 27 November 2018, PKB telah menghantar lima orang pensyarah JP yang terdiri daripada En Zulfaizad, Pn Siti Noor, Pn Wan Azilah, Pn Muzirawati dan Pn Afifah bagi menlengkapkan ilmu dan maklumat terkini berkaitan belanjawan 2019. Perkongsian ini amat penting untuk pengajaran dan pembelajaran bagi pensyarah








PERTANDINGAN POLYSKILLS 2018 KATEGORI UBS ACCOUNTING

Tujuan utama PolySkills 2018 ini dilaksanakan adalah sebagai inisiatif bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pertandingan berprestij di bidang kemahiran sama ada di peringkat politeknik, kebangsaan mahupun antarabangsa bagi memacu kecemerlangan di samping membentuk kemandarian pelajar agar lebih holistik dan berkualiti. Sebanyak 26 bidang telah dipertandingkan dengan pembabitan pelajar seramai 432 pelajar politeknik Malaysia bermula 17 September hingga 20 September 2018. Seramai empat orang Pelajar DAT mewakili PKB untuk kategori UBS Accounting.



INNOTEX

Sebuah pameran dan pertandingan untuk projek pelajar tahun akhir Diploma Pemasaran telah diadakan di Dewan Jubli Perak (DJP) pada 3 Oktober 2018. Program ini adalah bertujuan untuk mempamerkan hasil inovasi bagi memenuhi keperluan silibus Marketing Plan. Sebanyak sembilan kumpulan telah menyertai pameran dan pertandingan ini yang terdiri daripada pelbagai kategori antaranya makanan, perabot, perhiasan dan kosmetik.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DPR KE KUALA LUMPUR

Pada 21 Julai 2018, sekumpulan pelajar DPR diiringi oleh dua orang pensyarah telah mengadakan lawatan akademik di Kuala Lumpur. Antara tempat yang dilawati adalah Hidayah cookies dan ETM Prima Sdn. Bhd. Melalui lawatan ini pelajar mendapat pengalaman secara langsung berkaitan pengurusan dan pemasaran produk dan perkhidmatan.

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) merupakan jabatan sokongan akademik yang menawarkan kursus kod B iaitu kursus Matematik, Sains dan Komputer di PKB.

JMSK diketuai oleh Ketua Jabatan dan dibantu oleh 3 orang Ketua Kursus iaitu Ketua Kursus Matematik, Ketua Kursus Sains dan Ketua kursus Komputer. Untuk memastikan perlaksanaan PdP berjalan dengan efektif dan efisien, Ketua Kursus bertanggungjawab memantau pensyarah di bawah seliaan masing-masing. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di JMSK pula diselaraskan oleh Pegawai Kualiti Jabatan dan penolongnya bagi memastikan sistem berjalan lancar.

## JMSK DAY



Jabatan Matematik dan Sains Komputer telah mengadakan Hari JMSK pada 02 Oktober 2018. Program ini adalah untuk memperkenalkan kepada orang ramai dan terutamanya kepada pelajar kursus dan kepakaran yang terdapat di JMSK. Melalui program ini, pelajar diuji untuk menyelesaikan masalah tertentu dengan cara yang kreatif. Peserta yang dipilih terdiri daripada 300 pelajar mewakili jabatan JKE,JKA dan JKM masing-masing.

## MOTIVATION PROGRAM



Jabatan Matematik, Sains & Komputer telah mengadakan program motivasi untuk pelajar kurang berdisiplin pada 15 Oktober 2018 di pusat pemulihan akhlak, Machang, Kelantan & Putra Valley Tanah Merah. Seramai 104 orang pelajar terlibat dengan program ini. Program ini untuk menggalakkan pelajar membantu mereka dalam meningkatkan tanggungjawab akademik. Pelajar juga boleh memotivasi diri untuk menyelesaikan masalah secara kolektif dan kreatif.



## REVOLUSI DIRI SESI JUN 2018

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengadakan program motivasi dan kesedaran tentang kepentingan Matematik dan Sains pada 22 dan 24 Oktober 2018 di Politeknik Kota Bharu. Melalui program ini, para pelajar di peringkat sederhana akan diberi bimbingan dan kesedaran dengan bantuan fasilitator yang terdiri daripada Pensyarah dan pelajar cemerlang. Idea ini timbul apabila pelajar yang mengikuti kursus ini hanya mensasarkan kursus dan tidak mahu mencuba keputusan cemerlang.Program ini melibatkan seramai 24 pelajar Pra diploma.



## ROAD TO SUCCESS

Program Road to Suscces telah dijalankan oleh jabatan Matematik, sains dan computer pada 29 Jul hingga 25 oktober 2018 iaitu pada waktu kuliah berjalan pada minggu ke 6,8,10,12,14 dan16 selama 45 minit setiap sesi pembelajaran.Pelajar yang telibat seramai 1510 orang iaitu pelajar yang telah mendaftar Engineering Mathematics 1, Engineering Mathematics 2, Engineering Mathematics 3 and Engineering Science.



## TRAIN DRILL

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengadakan program penguatan kepada pelajar yang mengambil subjek matematik dan sains pada 26/08/2018-01/09/2018 dan14-20/10/2018 .Program TRAIN DRILL ini melibatkan seramai 1510 pelajar. Melalui program ini, pelajar akan didedahkan kepada soalan peperiksaan akhir. Pelajar akan dilatih untuk menjawab soalan dengan teknik yang betul. . Idea ini timbul apabila kebanyakan pelajar tidak dapat menjawab soalan peperiksaan akhir dengan baik. Mudah-mudahan dengan program ini, pelajar akan dapat menjawab soalan peperiksaan akhir yang lebih baik dan meningkatkan peratusan kelulusan pelajar.

Jabatan Pengajian Am merupakan jabatan sokongan yang bertanggungjawab mengendalikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa dan subjek umum bagi memastikan graduan Politeknik Merlimau bukan sahaja kompeten dalam bidang yang dipilih, malahan dari segi bahasa dan sahsiah. Untuk tujuan ini, jabatan ini terbahagi kepada dua unit; Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam dan Moral.

## KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM



Kursus ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHAEIK) selama 2 hari. Sebanyak enam slot ceramah pada hari pertama dan 7 slot ceramah pada hari kedua. Setiap peserta mesti mengikuti semua slot yang dijadualkan sebagai syarat untuk diberikan sijil kursus.

## PROGRAM KELAS INTENSIF AL QURAN



Program Kelas Intensif Al-Quran merupakan program yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am bagi mendidik pelajar mampu membaca Al-Quran. Antara pengisian program ini adalah persembahan bacaan oleh Qari Junior Musim Ke-6, ceramah kesedaran pentingnya menguasai Al-Quran dan penghargaan kepada 4 pelajar contoh dari setiap jabatan. Program ini satu inisiatif melahirkan pelajar yang mampu menguasai bacaan Al-Quran, lebih berkeyakinan, berketerampilan mulia dan punyai jati diri yang kental. Seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian khususnya dalam melaksanakan ibadat.








## EXPLORACE GAME 2018

Program "EXPLORACE GAME 2018" ini telah dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am (JPA) sebagai salah satu platform untuk para pelajar mempraktikkan dan mengukuhkan kemahiran Bahasa Inggeris mereka. Program ini telah berjaya menarik minat para pelajar semester 3 iaitu pelajar daripada 35 kelab ko-kurikulum PKB untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti-aktiviti sepanjang program ini berlangsung. Tujuan utama program ini adalah untuk menggalakkan para pelajar menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi dengan suasana yang menarik dan berbeza dari bilik kuliah mereka. Program ini juga merupakan salah satu cara untuk memupuk minat pelajar untuk mencintai Bahasa Inggeris serta membina semangat kerjasama antara ahli pasukan sepanjang pertandingan berlangsung.

## DRAMA COMPETITION

"DRAMA COMPETITION 2018" ini adalah pertandingan drama yang diadakan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am (JPA). Program ini telah berjaya menghimpunkan pelajar-pelajar dari pelbagai semester untuk sama-sama terlibat dalam pertandingan ini. Sebanyak 10 kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
Pertandingan drama ini mendapat kerjasama yang baik daripada semua pelajar yang dipilih oleh pensyarah mereka dan ianya telah berjaya menarik minat pelajar dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris. Kesemua peserta telah menunjukkan bakat dan kreativiti mereka dalam mempersembahkan drama kumpulan masing-masing.

# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Hal Pelajar (JHEP) merupakan salah satu unit di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada pelajar.

JHEP juga mengurus pendaftaran pelajar baru, lapor diri pelajar senior, kebajikan pelajar, insuran pelajar, biasiswa dan pinjaman pelajaran, disiplin, serta kegiatan persatuan pelajar. Selain dari itu, JHEP juga merupakan sumber data pelajar kepada Jabatan Akademik dan Unit lain di PKB, Bahagian Biasiswa KPTM, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Jabatan Pendidikan Politeknik.

JHEP juga bersedia membantu bakal pelajar dan ibubapa serta guru kerjaya sekolah yang ingin mendapatkan maklumat mengenai syarat kemasukan, kursus yang ditawarkan, tempoh pengajian, yuran pengajian dan bayaran pendaftaran, kemudahan penginapan, dan bantuan kewangan yang boleh dipohon oleh bakal pelajar.
Politeknik Kota Bharu menawarkan sebanyak 12 kursus peringkat diploma & 1 kursus peringkat Pra Diploma.










AKTIVITI JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (JHEP) TAHUN 2018

| BIL. | AKTIVITI | BULAN | PERINGKAT |
|---|---|---|---|
| 1. | PILIHANRAYA KAMPUS POLITEKNIK KOTA BHARU 2018 | JANUARI | POLITEKNIK |
| 2. | WATIKAH PERLANTIKAN MPP & KELAB/ PERSATUAN PKB 2018 | JANUARI | POLITEKNIK |
| 3. | ANUGERAH KECEMERLANGAN PKB 2018 | OKTOBER | POLITEKNIK |
| 4. | LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA POLITEKNIK MEDAN KE PKB | JANUARI | ANTARABANGSA |
| 5. | PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ASKAR WATAHIAN PKB BERSAMA SUKARELAWAN YES | MAC | POLITEKNIK |
| 6. | CSR POLYTECHNIC INTERNATIONAL VOLUNTEERING PROGRAM: CLEAN & SAFE WATER FILTER SYSTEM & ENTREPRENEURSHIP | APRIL | ANTARABANGSA |
| 7. | PKB PAINTBALL CLOSE TOURNAMENT | FEBRUARI | POLITEKNIK |
| 8. | ANUGERAH KETUA JABATAN 2018 | OGOS | POLITEKNIK |
| 9. | PAINTBALL EPS LEAGUE | SEPTEMBER | KEBANGSAAN |
| 10. | PROGRAM MINI AGRO MAKANAN CAKNA PELAJAR PKB | JULAI | POLITEKNIK |
| 11. | KEM KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2018 | FEBRUARI | POLITEKNIK |
| 12. | MAJLIS JAMUAN PENGHARGAAN AJK PELAJAR MINGGU SUAI KENAL 2018 | JANUARI | POLITEKNIK |
| 13. | PROGRAM TOUCH POINT CABINET AWAY 2018 | MAC | NEGERI |

# JABATAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN



Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) Politeknik Kota Bharu (PKB) merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam membuat perancangan terancang, pengurusan dan pelaksanaan segala aktiviti dalam unit sukan, unit kokurikulum, serta unit kebudayaan dan warisan. JSKK turut bertanggungjawab terhadap pengurusan kemudahan sukan, pembelajaran dan pengajaran di PKB.  JSKK PKB sentiasa beriltizam untuk terus memacu kecemerlangan dalam melahirkan mahasiswa minda kelas pertama yang dilengkapi jati diri yang utuh.  JSKK PKB terus utuh dengan sokongan barisan pegawai-pegawai PKB yang berkompetensi dalam bidang sukan, kokurikulum dan kebudayaan. Penganjuran dan penyertaan di bawah kelolaan JSKK dalam pelbagai program seperti khidmat masyarakat, unit beruniform, sukan, kebudayaan dan pengantarabangsaan berjaya memberi peluang kepada pelajar PKB dalam pembentukan sahsiah yang unggul.

## PAINTBALL WORLD CUP ASIA (PRIME MINISTER'S CUP)




Sejarah tercipta penutup tirai tahun 2018 apabila pasukan Paintball Politeknik Kota Bharu (PKB) terpilih ke Pals WCA 2018 setelah menduduki tangga  ke 3 Eclips Paintball Series (EPS 2018). Dengan kejayaan ini,  pasukan PKB telah layak menyertai kejohanan "Paintball-Asia League Series (Pals) World Cup Asia 2018 di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi pada 6 hingga 9 Disember 2018.  Antara pasukan yang menyertai kejohanan kali ini adalah Malaysia, Indonesia, Brunei, Australia, Belgium, Singapura, New Zealand, Iran dan Rusia.  Pasukan PKB di bawah bimbingan pensyarah PKB, Encik Mohd Azri Abd Ghani berjaya menggondol Juara kategori "Open Mechanical" dengan membawa pulang sijil, medal, piala kejuaraan dan wang tunai sebanyak empat ribu ringgit Malaysia.







## KEJOHANAN PAINTBALL MSP 2018

Kejohanan Paintball MSP 2018 merupakan kejohanan yang julung kalinya dianjurkan. Penganjuran kali pertama ini telah berjaya dianjurkan oleh Politeknik Kota Bharu (PKB) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP) Malaysia pada 31 Ogos hingga 1 September 2018. Kejohanan ini telah mendapat kerjasama daripada Malaysian Paintball Referee Organization (MPRO) dan Raskal Sport. Piala dan hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Tuan Haji Azahan Haji Daud, Timbalan Pengarah Akademik PKB, mewakili Ketua Pengarah JPPKK. Kejohanan ini menjadi acara tahunan paintball bagi PKB setelah dilantik sebagai Pusat Kecemerlangan Atlet (PKAT). Dua pasukan PKB telah berjaya mengetepikan pasukan lain dengan masing-masing meraih gelaran Juara dan tempat ketiga.




## KEJOHANAN PAINTBALL LIGA EPS LEG 2

Kelab Paintball Politeknik Kota Bharu (PKB) telah melakar sejarah tersendiri dengan kejuaraan dalam Kejohanan Paintball liga EPS Leg 2 di Kompleks Sukan Bandar Baru Bangi pada 7 hingga 8 Julai 2018. PKB yang mewakili Politeknik Malaysia adalah satu-satunya pasukan dari institusi pengajian tinggi yang berjaya ke peringkat ini. PKB telah menjadi Juara kategori Novice mengenepikan lapan pasukan ternama. Lebih manis lagi salah seorang atlit paintball PKB, Muhammad Zawawi Hussin telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pemain Keseluruhan Terbaik. Pelajar PKB iaitu Saudari Siti Nor Farhana Mohd Lutfi pula telah terpilih sebagai pengadil di Kejohanan Paintball Terbuka Medan Indonesia yang telah berlangsung pada 25 hingga 26 Ogos 2018.

## KARNIVAL SUKAN TEMPUR (COMBAT GAMES) MSP 2018

Karnival Sukan Tempur (Combat Games) MSP 2018 telah dianjurkan oleh Politeknik Nilai dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik Malaysia. Karnival selama empat hari ini bermula 11 hingga 14 Oktober 2018 menggabungkan sebanyak tiga jenis sukan tempur iaitu Pencak Silat, Taekwondo dan Karate. Kontinjen Politeknik Kota Bharu (PKB) telah menyertai sukan pencak silat dan taekwondo. Kontinjen ini berjaya membawa pulang dua pingat perak acara taekwondo dan tiga pingat gangsa di mana dua pingat gangsa disumbangkan acara taekwondo manakala satu pingat gangsa lagi dari acara pencak silat.






## KARNIVAL SUKAN PANTAI DAN INDOOR GAMES MSP

Karnival sukan anjuran Majlis Sukan Politeknik (MSP) Malaysia dengan Politeknik Kuala Terengganu selaku tuan rumah kejohanan merupakan penganjuran kali pertama melibatkan acara pantai. Sebanyak lima jenis sukan telah dipertandingkan pada 2 hingga 5 Ogos 2018 iaitu bola sepak pantai, bola tampar dewan, bola tampar pantai, dart dan karom. 26 kontinjen mewakili politeknik seluruh Malaysia melibatkan 750 orang atlet telah berentap sepanjang kejohanan berlangsung. Politeknik Kota Bharu (PKB) telah berjaya meraih satu pingat perak melalui acara Bola Tampar Dewan (lelaki) manakala satu pingat gangsa pula melalui acara Bola Sepak Pantai. PKB telah diwakili 35 orang atlet bagi tiga acara sukan iaitu bola tampar dewan (lelaki dan wanita), bola tampar pantai (lelaki dan wanita) dan bola sepak pantai.







PASUKAN SOFBAL LELAKI POLITEKNIK KOTA BAHRU



## LIGA SOFBOL POLITEKNIK MALAYSIA (LSPM)

Liga Sofbol Politeknik Malaysia (LSPM) yang berlangsung pada September hingga 4 September merupakan kejohanan tahunan yang dianjurkan setiap tahun oleh Pusat Pembangunan Sukan Sofbol Politeknik Malaysia dan Majlis Sukan Politeknik (MSP) dengan kerjasama Persatuan Sofbol Malaysia (PSM). Penganjuran kali ini di Politeknik Port Dickson (PPD) juga menjadi medan pemilihan pemain yang akan mewakili Politeknik Malaysia dalam Kejohanan Sofbol Terbuka Kebangsaan. Sebanyak 15 pasukan lelaki dan tujuh pasukan wanita daripada politeknik seluruh Malaysia termasuk pasukan Politeknik Kota Bharu (PKB) telah mengambil bahagian. PPD telah dinobatkan juara berganda dalam Kejohanan Liga Sofbol Politeknik Malaysia 2018, dengan meraih kejuaraan bagi kategori lelaki dan wanita.





## KEJOHANAN TAEKWONDO (WTF) JEMPUTAN SEKOLAH-SEKOLAH/IPTA NEGERI KELANTAN KALI KE-17, 2018

Kejohanan pada kali ini diadakan pada 4 Ogos 2018 di Dewan SMKA Falahiah, Pasir Pekan yang disertai oleh 13 orang peserta yang terdiri daripada 10 lelaki dan tiga wanita. Pasukan Taekwondo Politeknik Kota Bharu (PKB) telah berjaya dinobatkan selaku Juara Keseluruhan lelaki dan wanita bagi kategori Jemputan IPTA setelah berjaya menggondol lima pingat emas, lima pingat perak dan tiga pingat gangsa. Kejohanan yang disertai ini adalah sebagai satu platform pemanas badan untuk para atlet sebelum menghadapi Kejohanan Taekwondo Majlis Sukan Politeknik pada bulan Oktober.

PROGRAM JALINAN WARISAN KELANTAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Pada 14 hingga 17 Julai 2018, Politeknik Kota Bharu (PKB) telah diberikan mandat untuk menganjurkan acara tahunan ini untuk memberikan pendedahan kepada semua peserta akan keunikan budaya, warisan, seni dan adat Kelantan. Program ini melibatkan 125 orang pegawai-pegawai Kebudayaan dan para pelajar daripada 18 buah politeknik seluruh Malaysia. PKB diberi tanggungjawab untuk mendedahkan kepada peserta tentang keunikan di Kelantan yang terkenal sebagai Bandaraya Islam yang masih memelihara kebudayaan dan adat Melayu dengan sedikit sulaman budaya daripada Thailand. Tujuan utama program ini adalah untuk menanam kesedaran di kalangan peserta agar memelihara budaya kita dan sedar akan kepentingan budaya serta peradaban dalam pembangunan bangsa dan negara.






FESTIVAL KEBUDAYAAN DAN SEMARAK MERDEKA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2018 PERINGKAT KEBANGSAAN

Festival ini merupakan dua program anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengaan kerjasama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kedua-dua program ini dijalankan serentak pada 27 Ogos hingga 31 Ogos 2018. Sebanyak 29 buah politeknik dan kolej komuniti telah mengambil bahagian dengan penyertaan melebihi 500 peserta. Lima acara telah dipertandingkan iaitu Pertandingan Dikir Barat, Nyanyian Duet Lagu Patriotik, Tatarias Berkarakter, Fotografi Merdeka dan Lukisan Potret Tokoh. PKB telah berjaya merangkul naib juara bagi Pertandingan Dikir Barat dengan mendapat anugerah Tok Juara Terbaik, Awak-awak Terbaik dan Pemuzik Harapan. PKB juga berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Fotografi Merdeka. Secara keseluruhan, PKB telah berjaya mendapat tempat ketiga.








## PERTANDINGAN NYANYIAN PKB VAGANZA 2018

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) Politeknik Kota Bharu (PKB) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program ini untuk mencapai matlamat dalam pencarian bakat baru di kalangan pelajar PKB dalam nyanyian irama balada. Pertandingan ini berlangsung pada 26 Februari 2018 di Dewan Al-Ghazali PKB. Pada peringkat akhir pertandingan, seramai 15 pelajar PKB telah terpilih daripada pelbagai semester. Pertandingan ini telah berjaya mencari bakat-bakat baru untuk mengadakan persembahan di Majlis Konvokensyen PKB kali ke 31. Johan pertandingan dimenangi oleh peserta yang menyanyikan lagu bertajuk 'Ayah dan Ibu'. Manakala, naib johan disandang oleh peserta yang mempersembahkan nyanyian lagu 'Syurga Ditelapak Kaki Ibu'.




## MAJLIS PENTAULIAHAN PANGKAT BRIGED RELASIS MALAYSIA TAHUN 2018 KALI KE 3

Seramai 16 orang pelajar RELASIS Politeknik Kota Bharu (PKB) telah berjaya menamatkan kursus RELASIS di PKB sekaligus memenuhi segala kriteria yang diperlukan dalam Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan ditauliahkan pangkat sebagai Penolong Penguasa RELA (Bersekutu) bersama anggota-anggota RELASIS seluruh institusi pendidikan tinggi Malaysia yang lain. Majlis ini berlangsung pada 22 September 2018 bertempat di Akademi Latihan RELA Malaysia dan disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Azis Bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Beberapa Pegawai Bersekutu RELASIS termasuk Pegawai Adjutan PKB iaitu TPgR (Bersekutu) Muzimah Aida Md. Mustafa juga turut dianugerahkan Pingat AM RELA bersempena majlis tersebut sebagai mengenang jasa dan keaktifan dalam pengurusan RELASIS di Politeknik dan komuniti.



5th MalPRAC 2018

5th Malaysian Polytechnic RELASIS Annual Camp 2018 (5thMalPRAC 2018) adalah satu perkhemahan tahunan peringkat kebangsaan yang disertai oleh pelajar RELASIS daripada politeknik seluruh Malaysia. Perkhemahan ini telah berlangsung dengan jayanya di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis pada 23 hingga 27 April 2019. Dalam perkhemahan kali ini, kontinjen RELASIS Politeknik Kota Bharu (PKB) yang dikendalikan oleh TPgR (Bersekutu) Muzimah Aida Md.Mustafa telah berjaya menggondol pingat emas dalam acara Paintball RELASIS dan tempat ke-empat bagi persembahan kebudayaan. Tiga acara lain turut dipertandingkan iaitu pertandingan kawad tangan kosong, jalan lasak dengan beban dan juga memanah. Majlis Perasmian dan Penutup serta Penyampaian Hadiah Keseluruhan 5th MalPRAC 2018 telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis. Pengarah PKB Tuan Haji Noor Azahan Othman turut hadir memeriahkan majlis tersebut.






UKMR PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2018

Ujian Kemahiran Menembak RELA Peringkat Negeri Kelantan merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Seramai 16 orang pelajar RELASIS yang terdiri daripada pelajar semester empat dan lima telah berpeluang mewakili Politeknik Kota Bharu (PKB) dalam acara tersebut. Acara tersebut telah diadakan selama dua hari bermula 10 hingga 11 Oktober 2018 bertempat di Lapang Sasar Pak Junuh, Pasir Mas, Kelantan. Melalui penyertaan ini, para pelajar telah berjaya mempelajari teknik dan prinsip menembak serta meningkatkan kemahiran komunikasi bersama komuniti dan anggota RELA yang lain di seluruh negeri Kelantan.









## CMT AND IMP RELASIS CAMP 2K18

Tanggal 23 Mac 2018, Briged RELASIS Politeknik Kota Bharu (PKB) telah menganjurkan program Crisis Management Team (CMT) dan Ilmu Medan Perang (IMP) di Kok Lanas dengan penyertaan seramai 40 orang pelajar RELASIS PKB. Program ini telah dimeriahkan dengan kehadiran Tuan Timbalan Pengarah Akademik PKB, Tuan Haji Azahan Haji Daud, Komander RELASIS PKB dan para pensyarah RELASIS. Aspek pengurusan krisis dan aplikasi ilmu medan perang melalui beberapa cabaran sepanjang laluan dengan menggunakan konsep berbasikal telah dimanfaatkan. Aktiviti Corporate Sosial Responsibility (CSR) membersihkan tali air sepanjang laluan dan balai raya di Kampung Lubuk Besar turut dijalankan. Peserta juga sempat beramah mesra bersama penduduk kampung melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama seperti bermain sepak raga dan membersihkan kawasan Kok Lanas.





## RELASIS ORGANIZATIONAL LEADERSHIP CAMP 2K18

Kem kepimpinan tahunan bagi jawatankuasa pelajar dan ketua-ketua platun RELASIS Politeknik Kota Bharu (PKB) telah dijalankan pada 24 Mac 2018. 50 orang pelajar telah terpilih menyertai program ini. Program ini dikendalikan oleh Adjutan RELASIS PKB, TPgR (Bersekutu) Muzimah Aida Md. Mustafa. Cabaran dimulai dengan tugasan ikhtiar hidup melalui pendakian Bukit Keluang, Besut. Pelbagai aktiviti latihan dalam kumpulan turut dijalankan seperti ice breaking, pembentangan dan ujian kerjasama. Program ini telah berjaya menerapkan elemen-elemen kepimpinan selain meningkatkan jati diri terhadap peserta.

KURSUS PENGENALAN RELA 2018

Kursus Pengenalan RELA merupakan satu kursus dwi tahunan yang diadakan pada setiap semester. Kursus ini adalah anjuran Politeknik Kota Bharu dengan kerjasama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Kelantan. Siri pertama diadakan pada 3 Januari 2018 dengan penglibatan 165 orang pelajar di mana turut diserikan dengan Majlis Pemakaian Pangkat kepada pelajar RELASIS oleh Pegawai Penyelaras Relasis Negeri Kelantan. Manakala, siri kedua telah berlangsung pada 5 September 2019 dengan penyertaan seramai 381 orang pelajar RELASIS dan majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh Pengarah RELA Negeri Kelantan, PPjKR Mior Mohammad Taufik Mior Barhanuddin. Kursus ini menekankan aspek teori RELA dan juga praktikal kawad kaki. Kursus ini telah berjaya mendaftarkan pelajar sebagai ahli RELA dan memenuhi sukatan kandungan kursus RELASIS Politeknik Malaysia.





KURSUS ASAS RELA SIRI 1/2018 NEGERI KELANTAN

Seramai empat orang pelajar RELASIS Politeknik Kota Bharu (PKB) bersama anggota RELA seluruh negeri Kelantan telah berkampung selama lima hari bermula 5 hingga 9 Ogos 2018 di Pusat Latihan Wilayah Timur, Kuala Berang bagi mengikuti Kursus Asas RELA Siri 1/2018. Kursus ini merangkumi aktiviti menembak senjata senapang patah dan M16, latihan kawad kaki dan kenegaraan. Kursus ini telah berjaya melatih peserta untuk menimba pengalaman dan mempersiapkan diri untuk menjadi seorang sukarelawan yang mempunyai jati diri yang unggul.








## 5th MalPCiDAC 2018

Politeknik Kota Bharu (PKB) telah memikul tanggungjawab sebagai tuan rumah dalam penganjuran 5th Malaysia Polytechnic Civil Defence Annual Camp Peringkat Kebangsaan atau lebih dikenali 5th MalPCiDAC 2018. Kem tahunan yang disertai oleh 17 buah Politeknik seluruh Malaysia dan seramai 20 peserta mewakili politeknik masing-masing telah berkampung selama empat hari di PKB bermula 16 hingga 19 April 2018. Penganjuran kali ini mempertaruhkan empat kategori pertandingan iaitu kawad kaki, kemahiran APM, kebudayaan dan sukan. PKB telah berjaya merangkul johan dalam kategori sukan bagi MalPCiDAC kali ini.






## MAJLIS PERTAULIAHAN PISPA POLITEKNIK MALAYSIA 2018

Majlis Pentauliahan PISPA Politeknik Malaysia 2018 Peringkat Kebangsaan telah berjaya dikendalikan oleh barisan jawatankuasa daripada Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Jitra dan berlangsung pada 18 hingga 22 November 2018. Kursus Etika Kepegawaian turut dianjurkan sempena majlis pentauliahan tersebut. Seramai 28 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar Politeknik Kota Bharu (PKB) di bawah iringan Mejar Bersekutu (PA) Ruzila Binti Mat Ghani telah berjaya ditauliahkan. Dengan pentauliahan ini, ia menjadi pemangkin kepada keaktifan sebagai Pegawai Pertahanan Awam yang berkaliber, berpendidikan, bertanggungjawab serta berkemahiran dalam melaksanakan tugas dan kepakaran akademik untuk memantapkan lagi pengurusan Pertahanan Awam.



# UNIT PEPERIKSAAN

UNIT PEPERIKSAAN (UP) yang diketuai oleh Mohd Rudin Fauzi adalah antara nadi kepada PKB kerana memainkan peranan yang penting dalam urusan penilaian dan peperiksaan. Ketua Unit Peperiksaan dibantu oleh enam staf yang dedikasi di samping kakitangan akademik. Antara tugas-tugas UP ialah memastikan semua urusan yang berkaitan dengan peperiksaan berjalan lancar termasuklah pembinaan item, percetakan soalan-soalan peperiksaan dan kelancaran perjalanan peperiksaan setiap hujung semester. Selain itu, Sistem i-Exam turut dikawal selia oleh unit ini.

## BENGKEL PEMBINAAN ITEM PEPERIKSAAN AKHIR SESI DISEMBER 2017



Pada 12 hingga 15 Februari 2018 satu bengkel pembinaan item peperiksaan akhir bagi sesi Disember 2017 telah dijalankan di Bilik Operasi Unit Peperiksaan. Objektif bengkel ini adalah untuk menggubal draf soalan peperiksaan akhir bagi setiap kod kursus program Diploma Ukur Bahan (Kod:DCQ), Diploma Kejuruteraan Awam (Kod:DCC), Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kod:DEE) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pertanian (Kod:DJT) yang terlibat. Bengkel ini juga memastikan item yang digubal dan dimurnikan adalah lebih berkualiti dan set item yang lengkap yang disediakan telah mematuhi Garis Panduan dan Penulisan Kertas Item Peperiksaan Akhir Politeknik KPM.







BENGKEL PENILAIAN DAN PEMURNIAN ITEM SERTA PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAN AKHIR MENGIKUT FIEST BAGI PROGRAM DIPLOMA POLITEKNIK SESI JUN 2018 KURIKULUM TAHAP SATU, TIGA DAN ENAM.

Pada 3 hingga 6 September 2018, satu lagi bengkel dijalankan iaitu bengkel penilaian dan pemurnian item serta peraturan pemarkahan peperiksaan akhir mengikut fiest bagi program dDiploma politeknik Sesi Jun 2018 bagi kurikulum tahap satu, tiga dan enam yang telah dijalankan di Unit Peperiksaan. Bengkel ini bertujuan untuk menilai item dan peraturan pemarkahan peperiksaan akhir berpandukan kepada kurikulum, menetukan tahap kualiti set item dan peraturan pemarkahan yang telah dipilih, memberikan kod kepada setiap deraf item yang telah dinilai dan dimurnikan serta menilai, menyemak dan mengesahkan item dan peraturan pemarkahan oleh ketua panel penilai dan penyemak Bahasa dengan mengisi borang B3/BPN.



BENGKEL PENYEMAKAN DERAF ITEM & PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN AKHIR MENGIKUT FIEST BAGI PROGRAM DIPLOMA POLITEKNIK SESI JUN 2018.

Satu bengkel penyemakan deraf item dan peraturan pemarkahan peperiksaan akhir mengikut fiest bagi program diploma politeknik Sesi Jun 2018 telah diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2018 bertempat di Bilik Operasi Unit Peperiksaan. Objektif bengkel ini adalah Penyemakan dan pembetulan deraf item dan peraturan pemarkahan mengikut format item dan FIEST serta memberi peluang kepada peserta bengkel untuk bersumbangsaran dan berbincang bagi memastikan soalan-soalan yang dikeluarkan selaras dengan kurikulum kursus berkenaan.

## UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) bertujuan untuk mengatur dan mengendalikan permohonan tempat latihan, mengenal pasti tempat latihan yang sesuai, pemantauan latihan dan penilaian latihan industri pelajar ketika menjalani latihan. UPLI sentiasa berusaha untuk memastikan pelajar yang layak mengikuti latihan industri mendapat tempat di dalam sesebuah organisasi latihan. UPLI juga sentiasa berusaha agar kerjasama dan hubungan baik diantara politeknik, pelajar-pelajar latihan industri serta industri di Malaysia dapat dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pelajar diharapkan menggunakan peluang sebaik mungkin semasa latihan dengan mencari pengalaman sebanyak mungkin dalam menempuhi cabaran alam perkerjaan yang sebenar akan datang. UPLI diketuai oleh En Hamdan Nazeri bin Zainal Abidin selaku ketua unit dan dibantu oleh dua pegawai perhubungan dan latihan industri.

### LAWATAN KALOBORASI

Unit Perhubungan Latihan dan Industri dan Unit CISEC, Politeknik Kota Bharu (PKB) yang ditugaskan sebagai penyelaras kolaborasi telah mewujudkan jalinan kolaborasi diantara PKB dan beberapa buah organisasi pada tahun 2018. Diantara syarikat yang terlibat ialah Scania (Malaysia) Sdn Bhd, Rohm-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd, Perusahaan Warisan Ketereh dan TB Supply Base Sdn Bhd. Peserta lawatan kolaborasi ini terdiri daripada Pengurusan Tertinggi PKB, Ketua Jabatan, Ketua Program dan Pegawai Perhubungan & Latihan Industri, PKB.









## MAJLIS MESYUARAT PANEL INDUSTRI

Majlis Mesyuarat Panel Industri telah diadakan pada 12 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat Ibnu Khaldum PKB. Seramai 49 pegawai daripada pelbagai syarikat telah dijemput untuk ke majlis tersebut. Majlis Mesyuarat Panel Penasihat Industri bertujuan untuk meningkatkan jalinan kolaborasi di antara PKB dengan industri. Antara peranan Mesyuarat Panel Industri ialah sebagai platform dalam merialisasikan Pelan Transformasi Politeknik dan membantu politeknik untuk meningkatkan kualiti program pengajian sehingga menjadi institusi peneraju dalam bidang pendidikan latihan teknik dan vokasional.





## TAKLIMAT INDUSTRI

Taklimat latihan industri merupakan aktiviti rutin UPLI kepada semua pelajar yang bakal menjalani latihan industri pada semester berikutnya. Taklimat ini bertujuan memberi penerangan dan pendedahan berkaitan pendaftaran latihan industri, prosedur memohon tempat latihan, peraturan semasa latihan industri, prosedur penyediakan laporan akhir latihan industri dan proses penilaian latihan industri. Bermula sesi Jun 2018 taklimat persediaan menjalani latihan industri telah diadakan mengikut empat jabatan agar penerangan yang lebih menjurus kepada bidang dapat dikongsikan.

# UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

Berdasarkan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti, pengajaran dan pembelajaran telah menjadi fokus utama bagi Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Oleh itu, unit ini bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan latihan-latihan yang diperlukan oleh staf Politeknik Kota Bharu (PKB). Di samping itu juga, unit ini sentiasa memantau keberkesanan program-program pembangunan sumber manusia yang dijalankan agar dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di PKB termasuklah Program Peningkatan Kemahiran (PPK), Career Path Compentancy Matrix (CPCM) dan Time Sector Privatisation (TSP).
Antara key performance indicator (KPI) bagi ULPL adalah memastikan 100 peratus staf PKB menghadiri empat hari berkursus setahun dan melaksanakan 100 peratus perancangan latihan yang telah dirancang.



## PROGRAM JANGKA PENDEK

Program Jangka Pendek ialah program yang dilaksanakan di antara politeknik dengan industri dan pihak luar mengikut struktur yang ditetapkan oleh politeknik dalam memberi latihan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui perkongsian teknologi, kepakaran dan maklumat.





## KURSUS TERLANGGAN

Program yang dilaksanakan mengikut keperluan pihak industri sepenuhnya. Tenaga pengajar terdiri daripada pihak industri dan juga institusi yang berkenaan. Peserta yang dipilih adalah dari kalanagan kakitangan industri yang memerlukan latihan yang berkenaan. Kemudahan seperti peralatan asas dan bengkel akan disediakan oleh pihak politeknik






## KURSUS SECARA SAMBILAN

Program Kursus Secara Sambilan (KSS) merupakan salah satu cabang di bawah program TSP (Time Sector Privatisation). KSS memberi laluan kepada graduan Sijil Politeknik, Sijil Kemahiran Malaysia dan SPM/SPM(V) unruk menyambung pengajian di peringkat Diploma. KSS merupakan sebuah program akademik yang diluluskan oleh Lembaga Kurikulum Pengajian dan Program Latihan di Politeknik dan dilaksanakan di luar waktu pejabat iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu. Program yang ditawarkan meliputi program diploma bagi ambilan SPM, Sijil Politeknik dan Sijil Kemahiran. Tempoh pengajian adalah 10 semester (4 tahun). Proses pemilihan dan penentuan calon akan dilaksanakan oleh Politeknik yang menawarkan program KSS. Kurikulum bagi program KSS adalah sama dengan kurikulum yang digunakan oleh Program Sepenuh Masa. Sesi akademik bagi program KSS dibahagikan kepada 3 semester iaitu sesi Disember, semester pendek dan sesi Julai. Setiap kursus mempunyai mata kredit yang sama seperti yang digunapakai oleh program sepenuh masa. Pelajar dikehendaki memperoleh mata kredit yang secukupnya bagi tujuan penganugerahan diploma iaitu anggaran mata kredit di antara 90 hingga 98 mata kredit.

Perpustakaan Politeknik Kota Bharu (PKB) bertanggungjawab untuk menyediakan koleksi yang berkualiti serta perkhidmatan yang efisyen dan berhemah bagi memenuhi kehendak pelanggan sejajar dengan visi, misi dan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 2018, Perpustakaan PKB telah menjalankan pelbagai program serta perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat. Program galakan membaca merupakan fokus utama perpustakaan dalam menerapkan budaya membaca dan meningkatkan penggunaan perpustakaan khususnya dikalangan pelajar dan amnya kakitangan PKB.
Dengan penubuhan Kelab Rakan Pustaka (KRP), pelajar didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan PKB. Penyertaan pelajar dalam KRP adalah amat menggalakkan.

Penggunaan Sistem Perpustakaan Bersepadu - KOHA, yang telah mula di gunapakai sejak 2010 telah meningkatkan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Jumlah keseluruhan yang telah dimasukkan ke dalam sistem ini sebanyak 38,913 naskhah.






## GOTONG ROYONG EKSA

Pada 7 & 8 Januari 2018 staf perpustakaan dan ahli Kelab Rakan Pustaka (KRP) bekerjasama bergotong royong sebagai persediaan untuk menghadapi "Audit Dalaman EKSA dan Pertandingan Zon Paling Ceria PKB".









## INFORMATION LITERATURE QUIZ

Aktiviti Information Literature Quiz dilaksanakan bertujuan untuk memperkembangkan potensi individu dalam konteks penyelesaian sesuatu masalah dalam bentuk kuiz secara atas talian. Aktiviti ini merupakan anjuran Unit Perpustakaan PKB dengan kerjasa ma Kelab Rakan Pustaka yang telah diadakan pada 19 Februari 2018 sehingga 1 Mac 2018. Melalui program ini, para peserta digarap melalui beberapa soalan pengujian minda bagi memperkembangkan intelek dan emosi pelajar secara positif dan memanfaatkan kemudahan dapatan sumber maklumat di Perpustakaan PKB. Pemenang tempat pertama ialah Nur Hazwani Bt Samsuddin daripada Jabatan Perdagangan.

## PROGRAM BOOKS4U (PERKHIDMATAN PINJAMAN BUKU PERPUSTAKAAN DOOR TO DOOR)

Program ini telah dijalankan 27 Februari 2018 di hadapan foyer Perpustakaan. Program Books4U bertujuan untuk memudahkan warga PKB untuk mengakses buku-buku terkini yang terdapat di dalam Perpustakaan PKB. Aktiviti yang dijalankan adalah Perkhidmatan Pinjaman Buku, Kuiz dan Lucky Draw. Program ini telah mendapat sambutan yang positif dan memberangsangkan dari pelajar dan juga kakitangan Politeknik. Impak program ini adalah peningkatan budaya membaca dalam kalangan pelajar dan staf sekali gus dapat menarik minat membaca di kalangan mereka.

## LAWATAN PENANDARASAN KE PERPUSTAKAAN UMK

Unit Perpustakaan PKB bersama ahli kelab telah mengadakan satu sesi lawatan penandarasan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Pengkalan Chepa pada 7 Februari 2018. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat persediaan yang dijalankan untuk mendapat pensijilan EKSA dan juga berkongsi idea dalam pengurusan bahan dan perpustakaan.

# UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA

Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (UIDM) adalah satu unit yang bertanggungjawab mengumpul , menyimpan dan menyebarkan bahan multimedia untuk semua aktiviti di politeknik. Antara tugas utamanya ialah membuat liputan dan penyediaan serta bantuan teknikal audio visual majlis- majlis penting di Politeknik Kota Bharu, seperti Majlis Konvokesyen, Sambutan Majlis Kemerdekaan dan Minggu Suaikenal. UIDM telah menyimpan segala rekod aktiviti yang telah dijalankan dalam bentuk gambar/imej dan video. Selain itu, unit yang diketuai oleh Che Seman Bin Cob ini juga memainkan peranan dalam membantu kakitangan akademik PKB menyediakan bahan bantu mengajar. Ketua Unit UIDM dibantu oleh enam staf yang terdiri daripada Pegawai Multimedia dan juruteknik-juruteknik dalam bidang masing-masing.




## KERJA –KERJA PENYELENGGARAAN TV INFO

Kerja-kerja penyelenggaraan dan penambah baikan tv info telah dijalankan di uidm dan seluruh pkb pada sepanjang tahun. penyelanggaraan tv info adalah perlu sebagai usaha berterusan untuk memastikannya sentiasa berada dalam keadaan baik. antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan ialah menambah baik siaran tv dengan menukarkan peralatan baru dan penggantian peralatan yang rosak seperti tv receiver, cable, aerial dan kerja-kerja setup.









## KURSUS VIDEO EDITING

Kursus video editing telah diadakan pada 17-19 September 2018 bertempat di Makmal Komputer GCL7 PKB anjuran UIDM dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Kursus 3 hari ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta . En. Mohd Rozaidi bin Ismail telah bertindak sebagai penceramah, dengan perisian Adobe Premiere Pro. Hasilnya, kemahiran, pengetahuan kerja-kerja suntingan video dan penggunaan perisian Adobe Premiere Pro telah meningkat.





## AKTIVITI GOTONG –ROYONG SEMPENA AUDIT EKSA

Sebagai persediaan untuk Audit Eksa, UIDM telah mengadakan beberapa siri gotong-royong bermula pada  Februari 2018. Antara kerja-kerja yang dilakukan melibatkan kerja-kerja mengecat, menghias, mengemaskini sudut Eksa, menyusun fail, dokumen, perabot, peralatan dan kerja-kerja melabel. Ruang kerja UIDM telah bertambah baik dan menjadi lebih kondusif.

## NATIONAL CONFERENCE ON CO-CURRICULUM AND ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT 2018 (NACCED'18)

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK) Politeknik Kota Bharu bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermatlamat untuk meneguhkan dan memperkasakan penyelidikan dan inovasi di politeknik. Pada 2 September 2018 PKB telah menganjurkan National Conference on Co-curriculum and Entrepreneurship Development 2018 (NaCCED'18) dengan mendapat dana sebanyak RM20,000 daripada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP). Sebanyak 45 kertas penyelidikan telah dibentangkan.





## NATIONAL CONFERENCE ON MECHANICAL ENGINEERING 2018 (NCME'18)

Pada 25 September 2018 UPIK sekali pagi dipertanggungjawabkan menganjurkan National Conference on Mechanical Engineering 2018 (NCME'18). Pada conference kali ini sebanayak 26 kertas penyelidikan telah dibentangkan. Jabatan Pengajian Politeknik telah memperuntukkan dana sebanyak RM3,000 untuk penganjuran National Conference on Mechanical Engineering 2018 (NCME'18).





## PERTANDINGAN INOVASI KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) & PERTANDINGAN INOVASI PROJEK PELAJAR

UPIK juga telah mengadakan pertandingan inovasi di politeknik sebagai usaha untuk menghasilkan inovasi yang bernilai komersil. Sepanjang tahun 2018, tiga pertandingan inovasi telah diadakan iaitu pertandingan inovasi Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) dan pertandingan inovasi projek pelajar. Pertandingan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah dimenangi oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang telah mewakili PKB ke pertandingan KIK peringkat kebangsaan Politeknik Malaysia pada 7 hingga 9 Ogos 2018.

Pertandingan inovasi projek pelajar telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 5 Mac 2018 bagi sesi Disember 2017 manakala bagi sesi Jun 2018 pertandingan inovasi projek pelajar telah diadakan pada 3 Oktober 2018. Dalam pertandingan ini, projek-projek terbaik yang mempunyai nilai komersil telah dipilih di peringkat jabatan dari semua peserta.

Selain menganjurkan konferens dan pertandingan inovasi secara dalaman, UPIK PKB juga telah menghantar pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan dan konferens yang dianjurkan oleh politeknik-politeknik lain. sebanyak dua kertas penyelidikan telah dibentangkan di NiCERs18 anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dan satu kertas dibentangkan di National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2018 (iCompEx'18) anjuran POLIMAS. Selain daripada kertas penyelidikan, PKB juga telah menyertai pertandingan dalam iCOMPEX'18 yang dan berjaya memenangi 3 emas, 1 perak dan 3 gangsa.









## UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN

Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPSG) ditubuhkan untuk menggalas tanggungjawab dalam merancang, menyelaras, dan melaksanakan kerja pembangunan dan penyelenggaraan bangunan dan kemudahan awam di dalam kampus Politeknik Kota Bharu.

UPSG diketuai oleh Pegawai Pembangunan dan Senggaraan, iaitu En. Mohd Zulkifli Bin Mohd Hanipiah merupakan jurutera daripada JKR (Kader) yang dibantu oleh tujuh (7) orang penolong jurutera (JA29), seorang (1) pembantu kemahiran (H19), seorang (1) pembantu am (N11) dan seorang (1) pekerja am (N11).

Adalah menjadi tanggungjawab UPSG bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kampus PKB sentiasa berkeadaan baik dan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 2018 sebanyak 1053 aduan telah diterima oleh UPSG.

Kebiasaannya, UPSG bertindak berdasarkan kepada aduan yang diterima melalui sistem e-kerosakan. Daripada jumlah aduan yang diterima, sebanyak 90% aduan telah diselesaikan , manakala selebihnya tidak dapat dilaksanakan (KIV) disebabkan kekangan peruntukan pada tahun semasa.



AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG DILAKUKAN OLEH KAKITANGAN UPSG PADA TAHUN 2018:



1. Gotong Royong menampal jalan yang berlopak-lopak di kawasan Politeknik Kota Bharu
2. Gotong royong membersihkan dan meceriakan lanskap di depan blok pentadbiran,sebagai persiapan untuk EKSA 2018.
3. Gotong royong membaikpulih pump air telaga dibelakang bengkel pertanian
berikutan ketiadaan bekalan air di Blok Perpusatakaan dan Dewan Jubli Perak.
4. Gotong royong membersih serta menceriakan landskap sebelah Dewan Jubli Perak, persiapan EKSA 2018









BERIKUT ADALAH KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN BAIKPULIH YANG DILAKSANAKAN OLEH KONTRATOR LUAR.

1. Kerja-kerja menyelenggara Cooling Tower & Chilller serta kerja-kerja yang berkaitan.
2. Kerja-kerja membaiki Menara Tangki Air Utama GRP 67200 Gelen serta kerja-kerja yang berkaitan.
3. Kerja-kerja Baikpulih Bilik Kuliah A1, A2, B1, B2, C1, Makmal JMSk dan Pejabat USTM serta kerja-kerja yang berkaitan.
4. Kerja-kerja Pemasangan Paip Air HDPE 150mm dari Pondok Pengawal ke Tangki Air utama menggantikan Paip Air Lama (Asbestos) serta kerja-kerja yang berkaitan.
5. Kerja-kerja penyelenggaraan Penyaman Udara (Split Unit) serta kerja-kerja yang berkaitan.
6. Kerja-kerja mengesan kerosakan Elektrik Tekanan Tinggi dan kerja Baikpulih termasuk Pengujian serta kerja-kerja berkaitan.
7. Kerja-Kerja Baikpulih gelanggang tenis dan kerja-kerja yang berkaitan.
8. Kerja membaikpulih Dewab Kuliah 1 & 2 serta kerja-kerja yang berkaitan.
9. Kerja-kerja Senggaraan dan mengecat di Pejabat Pengarah, TPA, TPSA dan kerja-kerja berkaitan.
10. Kerja-kerja Membaikpulih dan mengecat makmal Kejuruteraan Awam dan kerja-kerja yang berkaitan.
11. Kerja-kerja penyelenggaraan kecil dan baikpulih Dewan Jubli Perak serta kerja-kerja berkaitan.
12. Perkhidmatan kerja-kerja tatahan OCR dan ELR di 6 buah pencawang Elektrik dan bilik MSB/SSB blok bangunan pentadbiran.
13. Kerja-kerja selenggaraan dan pembaikian kecil di asrama dan sekitarnya serta kerja-kerja yang berkaitan.
14. Kerja-kerja baikpulih sistem pencegahan kebakaran serta kerja-kerja yang berkaitan.
15. Kerja-kerja kawalan serangga perosak (anai-anai) serta kerja-kerja yang berkaitan.

## UNIT ASRAMA

Unit Asrama Politeknik Kota Bharu secara dasarnya bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pelajar-pelajar Politeknik Kota Bharu. Seramai tujuh orang kakitangan Pengurusan Asrama ditugaskan untuk menguruskan fasiliti asrama yang berkapasiti 2,418 ini. Manakala seramai 22 orang felo ditugaskan di Kamsis PKB bagi memberi bimbingan, mewujudkan persefahaman dengan melaksanakan aktiviti pelajar, memantau dan menangani aspek disiplin kalangan penghuni serta membantu menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar. Sebanyak dua kolej kediaman disediakan di PKB yang lebih dikenali sebagai Kamsis Damai dan Desasiswa Harmoni. Kemudahan Desasiswa Harmoni diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar semester satu, manakala Kamsis Damai dikhususkan buat pelajar senior. Setiap bilik di Kamsis PKB dilengkapi dengan kemudahan asas seperti katil, tilam, kerusi, meja belajar dan almari pakaian.






### KAMSIS DAMAI

Kamsis Damai merupakan asrama yang mempunyai sembilan blok asrama pelajar yang terdiri daripada Blok A, Blok B, Blok C, Blok D, Blok E, Blok F, Blok G, Blok H dan Blok J. Jumlah keseluruhan pelajar yang tinggal di asrama ini adalah 918 orang. Setiap pelajar berkongsi dua orang sebilik dengan jumlah keseluruhan bilik adalah 459.



### DESASISWA HARMONI

Manakala di Desasiswa Harmoni terdapat tiga blok (DH1, DH2 dan DH3) yang mampu menampung kapasiti maksima 1,500 orang. Setiap blok dapat memuatkan 500 pelajar pada satu-satu masa. Setiap aras disediakan 17 bilik yang boleh memuatkan 100 orang (16 bilik berkapasiti enam orang pelajar setiap satu dan satu bilik berkapasiti empat orang pelajar).

## UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI









Unit Pengurusan Psikologi Adalah Merupakan Sebuah Unit Yang Menjalankan Perkhidmatan Berteraskan Tiga Aspek Penting Dalam Pembangunan Manusia Iaitu Mental, Fizikal Dan Emosi. Unit Ini Adalah Merupakan Unit Sokongan Akademik Yang Berperanan Dalam Membantu Membentuk Pembangunan Insaniah, Di Mana Ianya Menyediakan Perkhidmatan Berfokus Kepada Psikologikal, Kaunseling Dan Kerjaya Warga Politeknik Kota Bharu, Khususnya Para Pelajar Dan Kakitangan.

### MY CAREER PROFILE, MY FUTURE

Program My Career Profile, My Future dijalankan kepada pelajar semester satu sesi pengajian Disember 2017 pada 14 Disember 2017 dan pada 16 Ogos 2018 bagi pelajar semester satu sesi pengajian Jun 2018. Program ini adalah program berbentuk pengujian psikologi iaitu Ujian Inventori Minat Kerjaya. Selain itu, sesi motivasi kerjaya & taklimat laluan kerjaya, serta taklimat buku Modul Inspirasi Diri (MinD) turut dijalankan kepada pelajar semester satu berkenaan. Program ini adalah merupakan program wajib bagi Unit Pengurusan Psikologi di mana ianya dianjurkan pada setiap awal semester.

### BASIC HELPING SKILLS FOR PEER COUNSELOR (KURSUS ASAS KEMAHIRAN MENOLONG)

Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kota Bharu, Kursus ini dianjurkan dua kali setahun (sekali setiap semester) dan disertai oleh ahli-ahli baru Kelab Pembimbing Rakan Siswa. Kursus Asas Kemahiran Menolong Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Kota Bharu telah dijalankan pada 18 hingga 20 Januari 2018 di Politeknik Kota Bharu bagi sesi Disember 2017 dan pada 16 hingga 22 hingga 18 Ogos 2018 di Min House Camp, Kota Bharu bagi sesi Jun 2018.

## UNIT KEUSAHAWANAN

Unit Keusahawanan (UK) PKB telah ditubuhkan bagi merealisasikan program pembangunan keusahawanan di PKB, seiring dengan usaha untuk mendokong Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (IPT) melalui penggalakan dan pemantapan usaha-usaha pembangunan keusahawanan yang lebih terancam dan holistic. Unit Keusahawanan merupakan sebuah unit sokongan akademik yang bernaung dan bertanggungjawab dibawah pengurusan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik dan Pengarah Politeknik.Unit keusahawanan berusaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan. Unit Keusahawanan PKB diketuai oleh Tn Hj Aziz Bin Mamat dengan dibantu oleh jawatankuasa setiap jabatan.



## PENCAPAIAN UNIT KEUSAHAWANAN

1) Penglibatan pelajar dalam Pembudayaan.
2) Pelajar yang daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3) Terdapat pelajar yang berjaya dalam perniagaan.
4) Terlibat dalam pertandingan Gerak Usahawan Kampus di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
5) Terlibat dalam pertandingan Ministry Of Higher Education Enterpreneurial Award 2017





Program sepanjang tahun

| Bil | Tajuk Program | Tarikh | Bilangan | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus asas pengendali makanan | 11 Januari 201 | 40 | Dewan Al Ghazali, PKB |
| 2 | Pengukuhan Ekosistem Keusahawanan : Youth E-Commerce Program (YEP) Siri 1 Tahun 2018 | 21-31 Januari 2018 | 1 | Hangzhou, Republik Rakyat China |
| 3 | Polytechnic Enterpreneurship Awards 2017 | 28 januari 2018 | 134 | Dewan Jubli Perak, PKB |
| 4 | Lawatan Akedemik Ke Kedah dan Langkawi | 07-10 Mac 2018 | 24 | Universiti Utara Malaysia |
| 5 | Kursus Tanah Campuran | 14-15 Mac 2018 | 30 | Bengkel Pertanain, PKB |
| 6 | Menyertai Majlis Anugerah Keusahawa-nan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 | 18 Mac 2018 | 5 | Hotel Primula Bearch Resort, Kuala Terengganu |
| 7 | Pameran Karnival Antarabangsa Bio-Ke-lantan:<br>Persidangan Dan Pameran 2018 | 4 -8 April 2018 | 6 | Kelantan Trade Cen-ter (KTC) |
| 8 | Pembentangan Ministry Of Higher Edu-cation Enterpreneurial Award 2017 | 12 April 2018 | 2 | Pulse Grand Hotel, Putrajaya |
| 9 | Career, Entepreneurship and Skills Festi-val 2018 (CESF'18) | 13-15 April 2018 | 38 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 10 | Siswapreneur showcase 2018 siri 1 | 20 -22 April 2018 | 5 | Berjaya Times Square, Kuala Lum-pur |
| 11 | Program siswapreneur business ethics & compliance (SBEC) | 5-7 September 2018 | 2 | UITM Bandar Enstek, 71760 Nilai, Negeri Sembilan |
| 12 | Menyertai Gerak Usahawan Kampus (Guk) | 29 september-1 October 2018 | 76 | Politeknik Sultan Zainal Abidin |

## UNIT PENTADBIRAN

Unit pentadbiran bertanggungjawab menguruskan pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan PKB. Unit ini dibahagikan kepada tiga sub-unit iaitu Unit pentadbiran, Unit Kewangan dan Unit Perkhidmatan. Secara khusus, Unit Pentadbiran menguruskan urusan pentadbiran am jabatan, kawalan keselamatan, kemudahan logistik, perkhidmatan penyenggaraan kebersihan bangunan dan kawasan jabatan. Unit Kewangan pula menguruskan kewangan jabatan meliputi penyediaan anggaran belanja mengurus tahunan jabatan (ABM), perolehan, bayaran gaji dan elaun kakitangan serta menyenggara akaun amanah. Manakala Unit Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan hal ehwal perjawatan dan perkhidmatan kakitangan meliputi penyenggaraan rekod perkhidmatan, cuti, pemangkuan, kenaikan pangkat, penempatan, pertukaran, pengisytiharan harta, latihan dan HRMIS. Unit pentadbiran diketuai oleh Puan Jaslina Jaafar dengan dibantu oleh 42 orang staf yang komited.









## SENARAI NAMA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Suriani Binti Suaibun
Aljalilah Binti Harun
Mohd Zaidi Bin Che Mod
Siti Martini Binti Mustapha
Zuhairy Bin Zahari
Wan Azilah Binti Wan Yunus
Affidah Mardziah Binti Mukhtar
Noor Izma Binti Ab. Ghani
Kamisah Binti Mohamed
Anisah Binti Jawawi
Fauziah Binti Hamdan
Mohd Faidzul Bin Abdul Rahman
Nik Ahmad Azmee Bin Nik Abdullah
Norlin Binti Ibrahim
Ab Razak Bin Mohamad
Nor Hayati Binti Mat Nor
Rohana Binti Mohammad Lawi
Rabiatuladawiah Binti Ramli
Md Zairudin Bin Zakaria
Mohd Raduan Bin Ibrahim
Rozinah @ Nurhaizi Binti Ramli
Bizami Bin Nawawi
Farawaheeda Binti Rashid
Mahizan Binti Mustapha
Nik Rahaya Binti Nik Ishak
Norma Binti Che Hasan
Nor Ashikin Binti Md. Isa
Nik Nur Fathiha Binti Nik Din
Haryanty Bt Hassan
Abdul Rashid Bin Ahmad
Nurdalila Binti Mohamad Khali
Wan Amiruddin Bin Wan Mustapha
Nurul Fatihah Binti Akhyar
Mahmud Bin Taib
Masmini Binti Hamzah
Azahar Bin Mat
Zulkifli Bin Ismail
Zulaikha Yee Binti Abdullah
Norafizah Binti Mohd Nor
Mohd Tarmizie Bin Yasok
Mohd Rozaini Bin Mohd Noor
Mat Zin Bin Abdul Rahman






# SIDANG REDAKSI

Penaung
Encik Kamaludin bin Daud
Pengarah

Penasihat
Hj Azahan bin Daud
Timbalan Pengarah
(Akademik)

Mohd Hisham bin Makhtar
Timbalan Pengarah
(Sokongan Akademik)

Penyelaras
Mohd Fatiazee bin Ab Aziz
Pegawai Perhubungan Awam

Ketua Editor
Marzuki bin Muhammad
Jabatan Kejututeraan Awam

Editor
Muzirawati binti Md Mustafa
Jabatan Perdagangan

Muzimah Aida binti Md Mustafa
Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Mohd Sanusi bin Deraman
Jabatan Matematik dan
Sains Komputer

Noor Izman binti Ab Ghani
Jabatan Kejututeraan Awam

Kang Kim Son
Unit Perhubungan dan
Latihan Industri

Noormey binti Mohd Noor
Unit Perpustakaan

GraÞk dan Rekabentuk
Abdul Rashid bin Ahmad
Nik Mohd Nazri bin Nik Kamaruzam
Unit Pembangunan



Ben Ebrahem



## Pasukan Penerbitan

Alinawati binti Ghazali
Jabatan Pengajian Am

Norfarah binti Ghazali
Kamsis

Nur Amalina binti Mohd Nazri
Unit Latihan dan Pengajian Lanjutan

Noor Izma binti Ab Ghani
Jabatan KejuteraanAwam

Jaslina binti Jaafar
Unit Pentadbiran & Kewangan

Siti Martini binti Mustapha
UPIK

Zarina binti Hashim
CISEC

Noorli binti Syam
USTM

Nurdalilah binti Mohd Khali
JSKK

Muhamad Firdaus bin Mahmud
Exam

Rakiah binti Awang
UPSG

Fathuddin Aizat bin Che Mohd Ariff
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Siti Hajar binti Muhd Ariff
Jabatan Perdagangan

Wan Nurdiyana binti Yusof
UPS

Nor Aryada binti Mahmad
Keusahawanan

Nik Azila Ahzi binti Mustapha
Unit Kualiti

Wan Hamidi bin Zhari
JKM

Yusof bin Ismail
JMSK


Ben Ebrahem




Ben Ebrahem




Ben Ebrahem www.flickr.com/pakchumat















KELUAR








*Terima Kasih*

d Shah
m Muadzam Shah
k
n Abdul Aziz Shah
u
nal Abidin
h

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Politeknik Sultan Idris Shah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Politeknik Muadzam Shah
Politeknik Mukah
Politeknik Balik Pulau
Politeknik Jeli
Politeknik Nilai
Politeknik Banting
Politeknik Mersing
Politeknik Hulu Terengganu
Politeknik Sandakan
Politeknik Pagoh Johor
Politeknik METrO Kuala Lumpur
Politeknik METrO Kuantan
Politeknik METrO Johor Bahru
Politeknik METrO Betong
Politeknik METrO Tasek Gelugor

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

www.politeknik.edu.my